

Analisis Rasuah Dalam Perolehan di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Pendekatan Kajian Pelbagai Kes Menggunakan Teori Fraud Diamond

Nor Azreen Zulkafli* dan Azeem Fazwan Ahmad Farouk

Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini meneliti faktor-faktor berlakunya rasuah dalam perolehan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia dengan menggunakan Teori Fraud Diamond (FDT) sebagai kerangka konseptual. Objektif kajian ini adalah untuk memahami bagaimana elemen dalam FDT (tekanan, peluang, rasionalisasi dan keupayaan) saling berinteraksi dalam mendorong perlakuan rasuah dalam konteks perolehan sektor pendidikan tinggi awam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes, melibatkan empat dokumen siasatan sebenar yang diperolehi daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Proses analisis data melibatkan pengekodan terbuka, pembinaan buku kod, dan pemetaan tema berasaskan empat elemen FDT. Dapatan menunjukkan bahawa elemen peluang dan keupayaan merupakan faktor paling dominan, terutamanya disebabkan kelemahan kawalan dalam, ketiadaan pemantauan, kemahiran teknikal dan akses kepada maklumat perolehan. Sementara itu, elemen tekanan dan rasionalisasi muncul secara berbeza mengikut konteks individu. Kajian ini mengemukakan cadangan intervensi berasaskan FDT seperti pengasingan tugas, audit dalaman berkala, latihan nilai integriti dan pemantauan gaya hidup. Sumbangan utama kajian ialah penerapan empirikal FDT dalam konteks IPTA yang masih kurang diterokai. Kajian ini juga mencadangkan integrasinya dengan teori lain bagi memahami

dimensi struktur dan budaya organisasi yang turut mempengaruhi tingkah laku rasuah. Namun, keterbatasan melibatkan skop IPTA dan penggunaan data sekunder harus diatasi dalam penyelidikan masa hadapan melalui pendekatan campuran dan peluasan konteks institusi.

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 27 August 2025

Accepted: 18 May 2026

Published: 12 June 2026

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.34.3.02>

E-mail addresses:

azreenz@student.usm.my (Nor Azreen Zulkafli)

azeemf@usm.my (Azeem Fazwan Ahmad Farouk)*

Corresponding author

Kata Kunci: Analisis tematik, institusi pengajian tinggi awam, perolehan, rasuah, teori Fraud Diamond

An Analysis of Corruption in Procurement at Malaysian Public Higher Education Institutions: A Multiple Case Studies Approach Using the Fraud Diamond Theory

ABSTRACT

This study examines the factors contributing to corruption in procurement processes at Malaysian Public Institutions of Higher Learning (IPTAs), using the Fraud Diamond Theory (FDT) as the conceptual framework. The objective of this research is to understand how the four elements of FDT—pressure, opportunity, rationalisation, and capability—interact in driving corrupt practices within the context of public higher education procurement. Employing a qualitative case study approach, the study analyses four actual investigation documents obtained from the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC). Data analysis involved open coding, the development of a codebook, and thematic mapping based on the four FDT elements. Findings reveal that opportunity and capability are the most dominant factors, primarily attributed to weak internal controls, lack of oversight, technical expertise, and access to procurement information. In contrast, the elements of pressure and rationalisation vary depending on the individual's context. The study proposes FDT-based intervention strategies, including segregation of duties, periodic internal audits, integrity-based training, and lifestyle monitoring. The key contribution of this research lies in its empirical application of FDT within the IPTA context, which remains underexplored in current literature. The study also suggests integrating FDT with other theories to capture the structural and cultural dimensions of organisations that influence corrupt behaviour. Nonetheless, limitations relating to the study's scope, which is confined to IPTAs and secondary data sources, should be addressed in future research through the use of mixed-methods approaches and broader institutional contexts.

Keywords: *Corruption, Fraud Diamond theory, procurement, public higher education institution, thematic analysis*

PENGENALAN

Perolehan kerajaan merupakan komponen teras dalam pengurusan sumber awam, namun sifatnya yang kompleks dan berskala besar menjadikannya terdedah kepada risiko amalan rasuah (Johari et al., 2023; Rustiarini et al., 2019). Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan bahawa antara 2013 hingga 2018, sebanyak 43% kerugian kewangan akibat rasuah berpunca daripada

manipulasi dalam perolehan (Siddiquee & Zafarullah, 2022). Rasuah ini bukan sahaja menyebabkan ketirisan sumber, tetapi turut menjejaskan integriti perkhidmatan awam, kualiti penyampaian dan pertumbuhan ekonomi (Arista & Fazekas, 2024). Kerentanan ini menjadi semakin parah disebabkan oleh faktor seperti ketidakjelasan harga pasaran, pengaruh ahli politik, dan hubungan kompleks antara pegawai kerajaan, ahli politik dan syarikat (Rustiarini et al., 2019; Prakasa, 2022).

Isu ketirisan dalam perolehan kerajaan semakin membimbangkan apabila SPRM mengenal pasti sektor ini sebagai paling terdedah kepada rasuah, dengan 24% maklumat berkaitan rasuah dari tahun 2019 hingga 2023 melibatkan perolehan, dan 90% aduan berpunca daripada kegagalan pentadbiran serta kelemahan kawalan dalaman (Jabatan Perdana Menteri, 2024). Laporan Sivanandam et al. (2020) pula merekodkan 184 penjawat awam terlibat dalam 564 pelanggaran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), manakala 47.5% daripada 4,996 tangkapan SPRM antara tahun 2019 hingga 2023 melibatkan penjawat awam (SPRM, 2024). Walaupun pelbagai dasar diperkenalkan, namun rasuah dalam perolehan kerajaan masih berleluasa akibat kelemahan kawalan dalaman, ruang budi bicara yang luas, dan tatakelola institusi yang lemah (Huda et al., 2017).

Manaf et al. (2023) mengatakan bahawa sesiapa sahaja boleh terlibat dalam jenayah rasuah, tanpa mengira kedudukan, bidang pekerjaan, bangsa, atau agama. Di Malaysia, kegiatan rasuah turut berlaku dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), khususnya dalam aspek pengurusan perolehan dan pembangunan infrastruktur yang melibatkan peruntukan kewangan yang besar. Berdasarkan statistik, dalam tempoh lima tahun (2018-2022), seramai 50 guru sekolah dan 15 pensyarah telah ditangkap oleh SPRM. Walaupun hanya 0.3% daripada 4,753 tangkapan antara tahun 2018 hingga 2022 melibatkan guru dan pensyarah, angka ini tetap menunjukkan kewujudan rasuah dalam sektor pendidikan yang seharusnya

berintegriti tinggi kerana mereka menjadi teladan kepada bakal pemimpin negara (Manaf et al., 2023).

Walaupun banyak kajian menumpukan kepada rasuah dalam sektor awam secara umum, penggunaan *Fraud Diamond Theory* (FDT) dalam konteks IPTA masih terhad kerana tumpuan lebih diberikan kepada kementerian dan agensi kerajaan lain (Basir et al., 2022; Khan & Bakar, 2022). Dalam konteks ini, IPTA menjadi penting untuk dikaji kerana ciri autonomi pentadbiran dan kewangannya mewujudkan cabaran tadbir urus yang tersendiri. Kebanyakan kajian sedia ada pula bersifat kuantitatif dan berasaskan persepsi, tanpa menganalisis kes sebenar yang disiasat oleh pihak berkuasa, sekali gus mengehadkan pemahaman terhadap mekanisme rasuah (Basir et al., 2022; Khan & Bakar, 2022). Untuk membangunkan strategi pencegahan yang berkesan, penting untuk mengenal pasti punca utama perlakuan rasuah, iaitu tekanan, keupayaan, rasionalisasi dan peluang seperti yang dijelaskan dalam FDT (Chan & Owusu, 2017; Khan & Bakar, 2022).

Kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan menggunakan FDT sebagai kerangka teori utama. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan dokumen siasatan rasuah yang diperolehi daripada SPRM. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis bagaimana elemen-elemen dalam FDT menyumbang kepada berlakunya rasuah dalam kes-kes yang dikaji dan mencadangkan strategi dan langkah pencegahan bagi menangani

elemen-elemen risiko yang dikenalpasti dalam proses perolehan di IPTA.

Keaslian kajian ini bukan sahaja terletak pada konteks IPTA yang masih kurang diterokai, tetapi juga pada penggunaan dokumen siasatan sebenar SPRM yang melibatkan kes yang telah disabitkan. Berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang bersifat kuantitatif dan berasaskan persepsi, kajian ini menelusuri secara empirikal bagaimana elemen tekanan, peluang, rasionalisasi dan keupayaan berinteraksi dalam situasi rasuah perolehan sebenar merentasi beberapa kes. Kajian ini menyumbang dalam tiga aspek utama: pertama, memperluas aplikasi FDT dalam konteks rasuah perolehan di IPTA; kedua, menyumbang kepada literatur empirikal melalui analisis kes sebenar; dan ketiga, menyediakan panduan berguna kepada pembuat dasar dan pengurusan IPTA untuk merangka strategi pencegahan rasuah yang lebih efektif. Penemuan kajian ini juga boleh menyokong penggubalan dasar yang kukuh dan menjadi asas kepada kajian masa hadapan dalam memperkukuh tadbir urus kewangan yang telus dan berdaya tahan.

Kajian ini disusun seperti berikut: Bahagian pertama adalah pengenalan berkaitan tajuk kajian. Bahagian kedua membincangkan tinjauan kajian yang lalu dan kerangka teori yang digunakan. Bahagian ketiga menghuraikan metodologi kajian, termasuk rekabentuk penyelidikan, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Bahagian keempat membentangkan dapatan kajian, perbincangan dan cadangan penambahbaikan. Bahagian kelima

merumuskan kesimpulan, diikuti bahagian keenam implikasi kajian. Akhir sekali, limitasi dan cadangan kajian pada masa hadapan.

TINJAUAN KAJIAN YANG LALU

Perolehan Kerajaan

Perolehan kerajaan merujuk kepada proses mengenal pasti keperluan barangan, perkhidmatan atau kerja, menentukan pihak terbaik untuk membekalkan keperluan tersebut, serta memastikan penyampaian dilakukan dengan efisien, pada masa yang tepat, dengan kos yang berpatutan, dan dilaksanakan secara adil dan telus (OECD, 2023). Menurut Hassan et al. (2021) pula, perolehan kerajaan ditakrifkan sebagai pemerolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja oleh kerajaan. Kementerian Kewangan bertindak sebagai badan utama yang menyelaras dan mengawal selia pelaksanaan perolehan melalui pelbagai instrumen seperti *The Procurement Guideline Book of Malaysia*, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, dan Pekeliling Perbendaharaan melalui tiga peringkat pentadbiran, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, dan Badan Berkanun termasuk syarikat milik kerajaan (Othman et al., 2010).

Matlamat utama sistem ini adalah untuk mencapai prinsip "nilai untuk wang" (*value for money*), iaitu memastikan penggunaan dana awam yang cekap, efektif dan berimpak tinggi (Kementerian Kewangan Malaysia, 2010). Malaysia mengadaptasi tujuh prinsip utama perolehan seperti digariskan oleh World Bank (2017), termasuk nilai untuk

wang, ekonomi, integriti, kesesuaian untuk tujuan, kecekapan, ketelusan, dan keadilan. Selain itu, prinsip teras seperti akauntabiliti awam, persaingan terbuka, dan layanan adil turut diterapkan sejajar dengan Dasar Pembangunan Negara (Kementerian Kewangan Malaysia, 2010).

Walaupun perolehan kerajaan dikawal oleh pelbagai instrumen peraturan, pelaksanaannya masih berdepan cabaran serius, termasuk kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan proses perolehan yang dilaporkan secara konsisten oleh SPRM dan LKAN. Azmi dan Ismail (2023) turut mengenal pasti 16 kelemahan dalam sistem perolehan, menandakan keperluan mendesak untuk penambahbaikan struktur bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam.

Rasuah Perolehan

Menurut *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD), definisi rasuah bergantung pada kerangka undang-undang sesebuah negara. Namun begitu, rasuah secara umumnya merujuk kepada penyalahgunaan kuasa oleh pegawai awam untuk keuntungan peribadi, sama ada secara aktif atau pasif. Rasuah boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk penyuaipan, pemerasan, kronisme, salah guna kuasa, dan penipuan (OECD, 2020). Dalam hal ini, rasuah juga berkait rapat dengan penipuan kerana kedua-duanya berpunca daripada unsur ketidakjujuran (ACFE, 2022). Dalam konteks perolehan kerajaan, rasuah perolehan merujuk kepada manipulasi proses tender, kontrak, atau

pembelian untuk memperoleh manfaat peribadi, yang jelas bertentangan dengan prinsip keadilan, persaingan, dan ketelusan (OECD, 2016).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa rasuah perolehan dipengaruhi oleh beberapa faktor utama. Di Malaysia, Basir et al. (2022) mendapati bahawa kelemahan kawalan dalaman, pengaruh pihak luar terhadap keputusan perolehan, dan tekanan individu seperti masalah kewangan atau keperluan peribadi sering menjadi punca berlakunya rasuah. Begitu juga di Indonesia, Dwimawanti dan Ramadani (2023) mendapati bahawa tekanan dan peluang merupakan antara pemacu utama rasuah dalam perolehan kerajaan. Selain itu, elemen rasionalisasi turut memainkan peranan penting apabila individu cuba memberikan justifikasi moral terhadap perbuatan mereka. Khan dan Bakar (2022) menjelaskan bahawa walaupun garis panduan perolehan telah disediakan dengan terperinci, sesetengah individu masih merasionalisasikan perbuatan rasuah atas alasan desakan kewangan, tekanan organisasi, atau kepercayaan bahawa tindakan tersebut tidak memberi kesan langsung kepada organisasi. Pada masa yang sama, prosedur yang kompleks, garis panduan yang tidak jelas, dan ruang budi bicara yang luas turut meningkatkan risiko penyelewengan dan salah guna kuasa (Dwimawanti & Ramadani, 2023). Dalam konteks pendidikan tinggi, keadaan ini menjadikan IPTA sebagai institusi yang turut terdedah kepada risiko rasuah perolehan kerana mengurus proses perolehan yang berskala besar dan kompleks.

Teori Fraud Diamond

Menurut *United Nations Office on Drugs and Crime*, tiada teori yang mampu menerangkan fenomena rasuah secara menyeluruh (UNODC, 2017). Pendekatan yang sering digunakan oleh penyelidik ialah *Fraud Triangle Theory* (FTT) yang diperkenalkan oleh Cressey (1953) menyatakan bahawa penipuan lebih cenderung berlaku apabila tiga elemen utama wujud, iaitu tekanan, peluang dan rasionalisasi. Namun, FTT telah dikritik kerana mengabaikan aspek keupayaan pelaku. Wolfe dan Hermanson (2004) kemudian menambah elemen keupayaan, membentuk FDT yang memberi pemahaman lebih menyeluruh dengan menekankan bahawa peranan akses, kedudukan strategik dan kemahiran individu merupakan faktor penting dalam berlakunya penipuan. Rajah 1 menunjukkan ilustrasi FDT yang menghubungkan keempat-empat elemen yang diadaptasi daripada Wolfe dan Hermanson (2004).

Tekanan

Menurut Medlar dan Umar (2023), tekanan dalam teori ini merangkumi pelbagai faktor seperti hubungan kerja tegang, kegagalan peribadi, dan keinginan menyesuaikan diri secara sosial. Lyra et al. (2022) mengklasifikasikan tekanan kepada dua bentuk iaitu kewangan dan bukan kewangan. Tekanan kewangan berpunca daripada masalah peribadi seperti hutang, perceraian atau kebangkrutan (Rasoli et al., 2023), manakala tekanan bukan kewangan melibatkan dorongan egosentrik seperti obsesi kuasa, status sosial dan cita-cita jawatan (Rustiarini et al., 2019).

Peluang

Menurut Wolfe dan Hermanson (2004), penipuan tidak akan berlaku tanpa peluang, walaupun individu menghadapi tekanan tinggi. Peluang wujud apabila terdapat kelemahan dasar, kawalan dalaman lemah, pelanggaran oleh pihak atasan,



Rajah 1. Ilustrasi FDT (Wolfe & Hermanson, 2004)

dan budaya organisasi yang membenarkan penyelewengan (Handoyo & Bayunitri, 2021; Rustiarini et al., 2019). Kakati dan Goswami (2019) turut menegaskan bahawa peluang merupakan faktor utama yang mendorong penipuan, diikuti tekanan dan rasionalisasi.

Rasionalisasi

Rasionalisasi bukanlah alasan yang muncul selepas perbuatan dilakukan, sebaliknya ia merupakan asas yang mendorong individu untuk melakukan penipuan. Rasionalisasi merujuk kepada situasi di mana individu yang berpotensi melakukan penipuan memberikan justifikasi dalaman untuk menghalalkan tindakan mereka berdasarkan kod etika peribadi (Handoyo & Bayunitri, 2021) dan memainkan peranan penting dalam membentuk motif jenayah (Medlar & Umar, 2023).


Keupayaan

Walaupun tekanan, peluang dan rasionalisasi merupakan faktor pendorong berlakunya penipuan menurut FTT (Cressey, 1953), pelaku juga memerlukan keupayaan untuk mengeksploitasi peluang tersebut (Kassem & Higson, 2012; Wolfe & Hermanson, 2004). Individu berjawatan tinggi lebih berisiko kerana memiliki keupayaan seperti kedudukan strategik, kecerdasan, keyakinan diri, serta kemampuan mempengaruhi orang lain (Lyra et al., 2022). Dalam konteks IPTA, pelaku biasanya memiliki keupayaan ini.

Rajah 2 menunjukkan kerangka konseptual dengan empat elemen utama FDT yang memainkan peranan dalam

mempengaruhi rasuah dalam perolehan di IPTA. Kajian ini memilih FDT sebagai kerangka konseptual kerana ia menekankan hubungan serentak antara individu dan organisasi (Wolfe & Hermanson, 2004). Fokus hanya pada individu atau kumpulan boleh mengabaikan aspek sosiologi organisasi dan menjejaskan keberkesanan pencegahan rasuah (Davis & Pesch, 2013). FDT telah digunakan dalam pelbagai bidang seperti penipuan pengguna dalam talian (Harrison et al., 2020), penipuan pekerjaan dalam organisasi sukan (Kihl et al., 2021), dan penipuan pelaporan kewangan (Demetriades & Owusu-Agyei, 2022). Walaupun FDT telah digunakan dalam pelbagai bidang, penggunaannya dalam sektor awam khususnya IPTA masih terhad. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa elemen FDT adalah relevan dalam menjelaskan rasuah, tetapi penekanan terhadap elemen dominan berbeza mengikut konteks kajian.

Beberapa kajian terdahulu menyokong kebolehlaksanaan FDT dalam menjelaskan punca rasuah. Rustiarini et al. (2019), Dwimawanti dan Ramadani (2023) serta Medlar dan Umar (2023) mendapati keempat-empat elemen FDT signifikan



Rajah 2. Kerangka konseptual elemen FDT dalam konteks rasuah perolehan di IPTA

dalam kes rasuah sektor awam dan penipuan kewangan di Indonesia. Di Malaysia, Khan dan Bakar (2022) menekankan keupayaan sebagai faktor utama dalam kalangan pegawai perolehan, manakala Norziation dan Sabri (2022) menekankan pengaruh tekanan sosio-budaya. Basir et al. (2022) pula menunjukkan nilai etika organisasi dapat mengurangkan pengaruh rasionalisasi dan keupayaan. Christian (2020) menekankan peranan tekanan kewangan dalam penipuan korporat, dan Sujeewa et al. (2020) mendapati tekanan dan peluang sebagai faktor dominan dalam sektor awam di Sri Lanka.

Walaupun kajian terdahulu secara umumnya mengesahkan bahawa FDT sesuai digunakan untuk menjelaskan rasuah dan penipuan, dapatan empirikal yang dilaporkan masih tidak seragam (Dwimawanti & Ramadani, 2023; Medlar & Umar, 2023; Rustiarini et al., 2019). Sebahagian penyelidikan mendapati bahawa elemen peluang dan tekanan merupakan pemacu utama perlakuan penyelewengan (Dwimawanti & Ramadani, 2023; Johari et al., 2023; Sujeewa et al., 2020), manakala kajian lain pula menonjolkan keupayaan sebagai faktor yang paling kritikal, khususnya dalam kalangan pegawai yang mempunyai kedudukan strategik dan akses kepada sistem perolehan (Khan & Bakar, 2022; Wolfe & Hermanson, 2004). Selain itu, beberapa kajian turut menunjukkan bahawa budaya etika organisasi berperanan dalam mengekang rasionalisasi dan salah laku (Basir et al., 2022; Ratmono & Frendy, 2022), sementara faktor sosio-budaya

pula boleh mempengaruhi kecenderungan individu terhadap rasuah mengikut konteks setempat (Norziation & Sabri, 2022). Keadaan ini menunjukkan bahawa kekuatan relatif setiap elemen FDT tidak bersifat seragam, sebaliknya dipengaruhi oleh konteks institusi, sektor yang dikaji, dan pendekatan metodologi yang digunakan oleh penyelidik terdahulu (Khan & Bakar, 2022; Rustiarini et al., 2019; Sujeewa et al., 2020).

Jurang Kajian

Berdasarkan sorotan literatur, terdapat tiga jurang utama yang masih belum diberi perhatian secukupnya. Pertama, kajian berasaskan FDT masih lebih banyak tertumpu pada sektor awam secara umum, sektor korporat, atau penipuan kewangan, berbanding rasuah perolehan dalam IPTA yang mempunyai struktur tadbir urus dan autonomi pentadbiran tersendiri. Kedua, kebanyakan kajian terdahulu menggunakan pendekatan kuantitatif atau berasaskan persepsi, yang lebih cenderung mengenal pasti kecenderungan umum tetapi kurang berupaya menjelaskan mekanisme sebenar perlakuan rasuah, termasuk urutan tindakan, strategi manipulasi, serta interaksi antara pelaku, pembekal, dan kelemahan organisasi dalam situasi kes yang nyata. Ketiga, masih kurang kajian yang menggunakan dokumen siasatan sebenar untuk meneliti bagaimana elemen tekanan, peluang, rasionalisasi, dan keupayaan saling berinteraksi dalam kes rasuah perolehan yang telah berlaku. Oleh itu, kajian ini dirangka untuk mengisi jurang tersebut melalui pendekatan kajian pelbagai

kes berasaskan dokumen siasatan SPRM, sekali gus memberikan pemahaman yang lebih empirikal dan kontekstual tentang mekanisme rasuah perolehan di IPTA.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk mengenalpasti faktor-faktor rasuah dalam perolehan IPTA melalui FDT. Kaedah ini sesuai untuk mengkaji fenomena kompleks dalam konteks sebenar (Yin, 2018). Kajian ini menggunakan dokumen siasatan rasmi SPRM bagi tahun 2015–2019 sebagai sumber utama, kerana ia bersifat autentik, representatif dan mengandungi maklumat terperinci seperti kronologi, keterangan saksi, dan bukti sokongan. Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan dengan memilih empat kes yang relevan dan kaya maklumat, selaras dengan saranan Patton (2015) dan Creswell dan Poth (2018) bahawa analisis mendalam lebih sesuai dilakukan ke atas bilangan kes yang terhad. Kriteria inklusif dan eksklusif bagi pemilihan dokumen siasatan SPRM adalah seperti berikut:

1. Kes SPRM berkaitan rasuah dalam perolehan di IPTA Malaysia dari tahun 2015 hingga 2019.
2. Hanya melibatkan kes yang telah disabitkan kesalahan.
3. Dokumen siasatan yang telah diklasifikasi sebagai Kemas Untuk Simpan (KUS) atau dokumen siasatan yang lengkap dan tidak aktif atau telah dinyahklasifikasi.

Pemilihan empat kes dianggap memadai kerana analisis rentas kes menunjukkan pengulangan kod dan pola tema yang konsisten, sekali gus memberikan kecukupan analitikal untuk menjelaskan mekanisme rasuah perolehan dalam konteks IPTA, selaras dengan prinsip ketepuan dalam penyelidikan kualitatif (Hennink et al., 2017). Unit analisis bagi kajian ini ialah setiap kes rasuah perolehan yang melibatkan IPTA dan direkodkan dalam dokumen siasatan SPRM, manakala unit data terdiri daripada petikan teks yang relevan seperti kenyataan pelaku dan saksi, kronologi kejadian, huraian proses perolehan, dan bukti sokongan; penetapan ini selaras dengan pendekatan kajian kes yang menumpukan kes sebagai unit analisis utama dalam konteks sebenar (Yin, 2018).

Bagi tujuan kajian ini, pendekatan analisis dokumen digunakan sebagai teknik utama dalam pengumpulan data dengan mengambil kira ketulenan, kredibiliti dan maksud kandungan dokumen dalam mengenal pasti tema-tema utama berdasarkan elemen-elemen FDT (Bowen, 2009). Proses ini melibatkan pengekodan terbuka secara induktif dan pengekodan bertema secara deduktif bagi memastikan keselarasan dengan objektif kajian.

Pendekatan induktif melibatkan pengekodan terbuka dengan meneliti dokumen SPRM secara menyeluruh untuk mengenal pasti petikan bermakna yang mencerminkan tingkah laku, niat, dan motif pelaku, seterusnya dilabel dengan kod yang sesuai. Sebagai contoh, kenyataan pelaku rasuah iaitu “Saya meminta wang komisen


untuk menyelesaikan hutang” dikodkan sebagai “masalah kewangan peribadi”. Kod-kod ini dibangunkan daripada data dan direkodkan dalam jadual pengkodan. Bagi memastikan ketelusan data, senarai kod telah dibangunkan dalam buku kod yang mengandungi nama kod, penerangan ringkas, dan tema berdasarkan elemen FDT.

Selepas pengkodan terbuka, pengkodan deduktif digunakan untuk mengelompokkan kod kepada tema FDT, seperti “masalah kewangan peribadi” di bawah tema “tekanan”. Matriks tema kemudiannya dibina bagi mengenal pasti tema berulang, menentukan elemen FDT yang dominan, dan menganalisis pola serta perbezaan antara kes berdasarkan ketumpatan kod. Rajah 3 menunjukkan carta alir proses analisis data yang diolah oleh penulis berdasarkan Bowen (2009), Creswell dan Poth (2018), serta Yin (2018)

Bagi memastikan kebolehpercayaan dapatan, triangulasi dilakukan dengan membandingkan empat dokumen siasatan SPRM yang berbeza serta dapatan kajian

lepas. Audit jejak direkodkan dan semakan dokumen dilakukan di bilik khas SPRM dengan pemantauan pegawai SPRM bagi memastikan maklumat yang dicatatkan adalah sah. Penyelidik turut mengamalkan refleksiviti dan penglibatan penyelia dalam semakan proses serta padanan kod dan tema bagi menjamin ketepatan dan konsistensi analisis. Walaupun hanya menggunakan data sekunder, kajian disokong oleh teori seperti *Theory of Planned Behaviour* (Ajzen, 1991) dan *moral disengagement* (Bandura, 1999) bagi mengukuhkan dapatan.

Walaupun dokumen siasatan SPRM menyediakan data yang autentik dan terperinci, penggunaannya juga mempunyai keterbatasan kerana penyelidik hanya bergantung pada maklumat yang telah direkodkan dalam fail dan tidak dapat memperoleh penjelasan lanjut secara langsung daripada pihak yang terlibat; keadaan ini konsisten dengan keterbatasan umum analisis dokumen yang bergantung pada kandungan rekod sedia ada (Bowen, 2009).



Rajah 3. Carta alir proses analisis data

Selain itu, dokumen siasatan mungkin tidak menangkap sepenuhnya aspek budaya organisasi atau motivasi yang tidak direkodkan secara formal, justeru tafsiran perlu dibuat secara berhati-hati dalam konteks kandungan yang tersedia (Bowen, 2009; Yin, 2018). Namun demikian, keterbatasan ini diminimumkan melalui triangulasi, audit jejak, dan semakan kod serta tema secara berterusan, yang merupakan antara strategi penting untuk meningkatkan kebolehpercayaan dapatan dalam penyelidikan kualitatif (Creswell & Poth, 2018; Yin, 2018).

Kajian ini melibatkan penggunaan dokumen siasatan rasmi yang sensitif serta berkaitan dengan isu integriti penjawat awam. Sehubungan itu, akses kepada dokumen diperoleh melalui permohonan rasmi kepada Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan SPRM. Permohonan tersebut kemudiannya diangkat kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM bagi mendapatkan kelulusan berkaitan penggunaan input kajian dan akses kepada fail kertas siasatan. Setelah diluluskan, surat kelulusan dikemukakan kepada Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat SPRM yang bertanggungjawab mengawal akses terhadap kertas siasatan SPRM. Seterusnya, penyelidik dihubungi oleh pegawai SPRM untuk menetapkan tarikh yang sesuai bagi tujuan semakan dokumen. Akses kepada kertas siasatan hanya dibenarkan pada tarikh yang ditetapkan dan di lokasi yang telah ditentukan, iaitu di bilik Ketua Cawangan Unit Statistik, Cawangan Perisytiharan Harta dan Statistik,

Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat, SPRM. Penyelidik juga tidak dibenarkan membawa keluar atau mengambil gambar sebarang dokumen. Semua catatan yang dibuat sepanjang proses semakan dokumen dilakukan di bawah pemerhatian pegawai SPRM. Bagi menjaga kerahsiaan, penyelidik tidak merekodkan sebarang maklumat pengenalan pasti peribadi atau identiti subjek, sebaliknya menggunakan sistem pengekodan unik bagi melindungi pihak yang terlibat.

Kajian ini hanya menggunakan data sekunder dan tidak melibatkan temu bual, soal selidik atau interaksi langsung dengan responden. Oleh itu, pertimbangan etika kajian difokuskan kepada kebenaran akses institusi, kerahsiaan data dan perlindungan identiti pihak yang terlibat.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dan Perbincangan Berdasarkan Analisis Kajian Kes

Analisis kajian kes telah dibuat ke atas empat (4) kes rasuah dalam perolehan yang melibatkan pegawai di IPTA yang telah disabitkan kesalahan dalam tempoh antara tahun 2015 hingga 2019.

Kes A

Pada tahun 2015, seorang Penolong Jurutera Awam di sebuah IPTA di Sarawak didapati bersalah kerana meminta dan menerima wang komisen sebanyak RM300.00 daripada pemilik Syarikat A sebagai balasan memperakukan kerja siap bagi kerja “*Proposed Repairing Works at Faculty of Engineering-Glass, Aluminium*

Louvers, Bricks Works & Ceiling” bernilai RM9,960.00. Pelaku menggunakan kedudukannya sebagai pegawai teknikal yang bertanggungjawab memantau dan memperakukan kerja kontraktor untuk memperoleh ganjaran peribadi. Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara selama tujuh (7) hari serta denda sebanyak RM10,000.00, atau satu (1) bulan penjara sekiranya gagal membayar denda tersebut. Jadual 1 menunjukkan kod dan tema yang diperoleh daripada analisis dokumen bagi Kes A.

Berdasarkan data, kelemahan kawalan dalaman organisasi mewujudkan peluang kepada perlakuan rasuah. Pelaku telah

diberikan kepercayaan sepenuhnya oleh penyelia untuk menyelia kerja pembekalan tanpa semakan silang. Ketiadaan pemantauan membolehkan pelaku yakin bahawa tindakannya tidak akan dikesan. Pelaku juga mengalami tekanan kewangan yang mendesak pada ketika itu. Keteranganannya,

Saya tahu perbuatan itu salah. Tetapi saya meminta wang komisen bagi menyelesaikan hutang.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa tekanan kewangan mendorong individu mencari jalan penyelesaian segera walaupun bertentangan dengan undang-undang

Jadual 1

Kod dan tema berdasarkan petikan data/situasi bagi Kes A

Petikan Data/Situasi	Kod	Tema
Penyelia: “Saya tidak menyemak kerja-kerja tersebut secara fizikal.”	Ketiadaan Pemantauan	Peluang
Tiada mekanisme semakan silang. Penyelia hanya bersandar pada laporan pelaku.	Kelemahan Kawalan Dalaman	Peluang
Penyelia: “Saya percaya sepenuhnya kepada beliau (Pelaku).”	Kepercayaan Penuh Tanpa Verifikasi	Peluang
Pelaku: “Saya tahu perbuatan itu salah. Tetapi saya meminta wang komisen bagi menyelesaikan hutang.”	Masalah Kewangan Peribadi	Tekanan
Pelaku: “Saya hanya meminta komisen daripada kontraktor.”	Rasuah kepada 'Komisen' atau 'sumbangan'	Rasionalisasi
Pelaku: “Saya tahu perbuatan itu salah. Tetapi saya meminta wang komisen bagi menyelesaikan hutang.”	Justifikasi Keperluan Peribadi	Rasionalisasi
Pelaku: “Saya tidak ada menjanjikan apa-apa kepada kontraktor. Saya hanya mahu komisen untuk diri sendiri sahaja.”	Penafian Janji Balas	Rasionalisasi
Pelaku: “Saya bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek dan kerja penyelenggaraan.”	Pengetahuan Teknikal	Keupayaan
Pelaku: “Saya minta beliau (Pemilik syarikat) serahkan RM300.00 di tangga fakulti.”	Keupayaan Menyembunyikan Jejak	Keupayaan
Pelaku: “Antara tugas saya ialah memantau operasi dan penyelenggaraan dalam bidang kejuruteraan awam, membantu menyediakan dokumen perolehan untuk projek dan kontrak, dan membantu memantau pelaksanaan projek dan kerja penyelenggaraan.”	Kedudukan strategik	Keupayaan

dan etika kerja. Pelaku merasionalisasi pelanggaran etika sebagai perkara biasa dalam rutin kerja bagi mengurangkan rasa bersalah dan menganggap perbuatan itu boleh diterima. Keterangannya,

Saya hanya meminta komisen daripada kontraktor. Saya tidak ada menjanjikan apa-apa kepada kontraktor. Saya hanya mahu komisen untuk diri sendiri sahaja.

Kedudukan jawatan pelaku sebagai Penolong Jurutera Awam memberikan beliau akses kepada maklumat teknikal serta autoriti untuk memperakukan kerja siap tanpa pemeriksaan lanjut. Pengetahuan teknikal yang dimiliki serta kepercayaan yang diberikan oleh pihak atasan meletakkan beliau dalam kedudukan strategik untuk mengeksploitasi kelemahan sistem.

Kes B

Pada tahun 2016, seorang Pegawai Belia dan Sukan yang bertugas sebagai Ketua Unit Sukan di sebuah IPTA di Pulau Pinang didapati bersalah kerana bersubahat dengan pemilik Syarikat B dengan mengemukakan tuntutan palsu berhubung kerja “Buka dan Pasang Peralatan Gimnasium Perdana ke Bangunan Zamrud” berjumlah RM2,500.00. Kerja tersebut tidak dilaksanakan oleh syarikat pembekal sebaliknya, pelaku sendiri melaksanakan kerja itu dengan bantuan dua orang staf bawahan, yang masing-masing menerima upah sebanyak RM100.00. Pelaku mengambil RM2,000.00 sebagai ganjaran, manakala RM500.00 diberikan kepada pemilik syarikat sebagai imbuhan meminjamkan nama syarikat.

Pelaku telah mengaku bersalah dan dihukum satu (1) hari penjara dan denda sebanyak RM12,500.00. Jadual 2 menunjukkan kod dan tema yang diperolehi daripada analisis dokumen bagi Kes B.

Kes B menunjukkan bahawa kelemahan kawalan dalaman membuka peluang kepada pelaku memanipulasi proses perolehan, tanpa semakan silang atau audit oleh penyelia yang hanya bergantung pada laporan pelaku. Hubungan peribadi sejak 1980 antara pelaku dan pemilik syarikat atas dasar keakraban keluarga dan rasa terhutang budi memudahkan manipulasi dokumen tanpa menimbulkan syak wasangka. Dalam keterangannya, pelaku mengakui bahawa beliau menghadapi tekanan kewangan dan menggunakan wang tersebut untuk perbelanjaan peribadi. Keterangannya,

Saya tahu perbuatan itu salah.

Saya telah menggunakan wang tersebut untuk perbelanjaan sendiri.

Pelaku turut berdepan tekanan prestasi kerja, khususnya keperluan segera untuk menyelesaikan kerja pemindahan peralatan sukan bagi kelancaran program universiti. Kombinasi tekanan kewangan dan tekanan prestasi kerja menyumbang kepada rasional tindakan pelaku yang memilih untuk mengambil wang secara tidak sah sebagai penyelesaian jangka pendek terhadap tekanan hidupnya.

Walaupun tiada justifikasi langsung, tindakan pelaku mencerminkan rasionalisasi tersirat melalui pemikiran *moral disengagement* (Bandura, 1999).

Jadual 2

Kod dan tema berdasarkan petikan data/situasi bagi Kes B

Petikan Data/Situasi	Kod	Tema
Penyelia: “Saya hanya dimaklumkan oleh beliau (Pelaku) bahawa barang-barang telah dipindahkan oleh kontraktor.”	Ketiadaan Pemantauan	Peluang
Penyelia: “Saya tidak tahu syarikat mana yang pindahkan alatan tersebut. Saya hanya tahu alatan tersebut dipindahkan oleh staf beliau (Pelaku) apabila SPRM datang siasat.”	Kelemahan Kawalan Dalaman	Peluang
Penyelia: “Saya telah meluluskan tuntutan tersebut berdasarkan dokumen yang dilampirkan di dalam dokumen tuntutan.”	Kepercayaan Penuh Tanpa Verifikasi	Peluang
Kerani kewangan: “Saya tahu bahawa alatan tersebut dipindahkan oleh staf unit ini juga tetapi saya diarahkan oleh beliau (Pelaku) untuk menyediakan dokumen tuntutan.”	Tiada Sistem Whistleblowing	Peluang
Pemilik syarikat: “Saya kenal beliau (Pelaku) sejak tahun 1980 kerana beliau (Pelaku) adalah jurulatih bola sepak saya. Keluarga beliau (Pelaku) yang menjaga saya semasa saya sakit pada tahun 2000.”	Konflik Kepentingan	Peluang
Penyelia: “Saya akui bahawa hanya ada 1 sebutharga yang dilampirkan di dalam dokumen tuntutan. Walau bagaimanapun, saya tetap meluluskan tuntutan tersebut untuk menyegerakan pemindahan peralatan gimnasium.”	Ketidakpatuhan Prosedur Perolehan	Peluang
Pelaku: “Saya telah menggunakan wang tersebut untuk perbelanjaan sendiri.”	Masalah Kewangan Peribadi	Tekanan
Pelaku: “Peruntukan TAS yang telah diluluskan pada tahun semasa perlu digunakan segera bagi mengelakkan peruntukan pada tahun hadapan dipotong.”	Tekanan Pengurusan Peruntukan	Tekanan
Pelaku: “Ada aduan daripada pelajar yang mengatakan ruang gim agak sempit dan tidak cukup peralatan.”	Tekanan Pengurusan	Tekanan
Pelaku: “Saya bertanggungjawab merancang dan mengendalikan urusan pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan sukan di universiti.”	Tekanan Prestasi Kerja	Tekanan
Pelaku: “Saya terima RM2,000.00 daripada beliau (Pemilik syarikat) dan saya beri RM100 tiap seorang kepada staf yang bantu pindahkan alat gim. Baki RM500.00 saya beri kepada beliau (Pemilik syarikat).”	Mengurangkan Beban Moral	Rasionalisasi
Pelaku: “Saya serahkan dokumen tuntutan kepada kerani untuk proses pembayaran.”	Pengetahuan Teknikal	Keupayaan
Penyelia: “Saya tidak tahu syarikat mana yang pindahkan alatan tersebut. Saya hanya tahu alatan tersebut dipindahkan oleh staf beliau (Pelaku) apabila SPRM datang siasat.”	Keupayaan Menyembunyikan Jejak	Keupayaan
Pelaku: “Saya telah meminta dua orang staf saya untuk memindahkan alat gim.” Kerani kewangan: “Saya proses tuntutan bayaran tersebut apabila beliau (Pelaku) menyerahkan dokumen tuntutan kepada saya. Saya hanya mengikut arahan beliau (Pelaku).”	Keupayaan Mengawal Staf	Keupayaan
Pemilik Syarikat: “Saya banyak terhutang budi kepada beliau kerana keluarga beliau (Pelaku) yang menjaga saya semasa saya sakit pada tahun 2000.” Pemilik Syarikat: “Beliau (Pelaku) minta saya menyediakan sebutharga dan invoice bertujuan untuk membuat tuntutan kerja-kerja pemindahan alat gim tetapi saya tidak tahu siapa yang melakukan kerja-kerja tersebut. Saya buat atas dasar percaya kepada beliau (Pelaku).”	Keupayaan Memanipulasi Pembekal	Keupayaan

Jadual 2 (*sambungan*)

Petikan Data/Situasi	Kod	Tema
Pelaku: “Saya bertanggungjawab merancang dan mengendalikan urusan pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan sukan di universiti.”	Kedudukan Strategik	Keupayaan
Pelaku: “Setiap tahun, saya perlu menyediakan permohonan bajet peruntukan yang perlu berkaitan kemudahan sukan.”	Akses Kepada Maklumat	Keupayaan
Kerani kewangan: “Saya proses tuntutan bayaran tersebut apabila beliau (Pelaku) menyerahkan dokumen tuntutan kepada saya. Saya hanya mengikut arahan beliau (Pelaku).”	Perolehan	

Pelaku mengambil sebahagian besar tuntutan sebagai “ganjaran” dan memberi imbuhan kepada staf dan pembekal bagi menjustifikasi perbuatan tersebut secara moral. Seperti dinyatakan oleh Murphy dan Dacin (2011), pelaku rasuah sering menganggap tindakan mereka tidak merugikan sesiapa atau sebagai ganjaran yang wajar. Pelaku, sebagai Ketua Unit Sukan, memiliki kawalan ke atas proses perolehan dan akses kepada maklumat kewangan, membolehkannya menyusun dokumentasi tampak sah. Hubungan rapat dengan pemilik syarikat dan pengaruh terhadap staf bawahan turut mengukuhkan keupayaannya melakukan penipuan.

Kes C

Pada tahun 2018, seorang Penolong Pendaftar Kanan yang bertugas di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, di sebuah IPTA di Terengganu didapati bersalah kerana meminta dan menerima wang rasuah sebanyak RM7,420.00 daripada pemilik Syarikat C sebagai balasan memilih syarikat berkenaan untuk kerja-kerja pembekalan 14 set kerusi dan meja terazo. Pada April 2018, pelaku mengarahkan pemilik syarikat untuk menyediakan sebutharga set kerusi dan meja terazo dengan harga

RM1,280.00 seunit, sedangkan harga asal seunit adalah RM750.00 menjadikan nilai keseluruhan sebutharga RM17,920.00 dan menyediakan dua lagi sebutharga palsu pada kadar yang lebih tinggi bagi menimbulkan ilusi persaingan bagi menjamin Syarikat C terpilih bagi pembekalan tersebut. Pelaku kemudian menerima lebihan wang sebanyak RM7,420.00 melalui dua kaedah iaitu RM4,000.00 dimasukkan ke dalam akaun bank miliknya dan RM3,420.00 diserahkan secara tunai. Mahkamah menjatuhkan hukuman lima (5) tahun penjara dan denda RM89,600.00 atau penjara 12 bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut. Jadual 3 menunjukkan kod dan tema yang diperolehi daripada analisis dokumen bagi Kes C.

Kes C memperlihatkan bagaimana elemen peluang dimanfaatkan apabila pelaku diberi kepercayaan penuh tanpa pengawasan, tiada pengasingan tugas, dan tiada mekanisme semakan harga pasaran, sekali gus membolehkannya memanipulasi proses sebutharga bagi mewujudkan gambaran persaingan palsu dan melantik syarikat pilihannya.

Pelaku menghadapi tekanan kewangan akibat penceraian dan kos sara hidup, lalu menggunakan lebihan wang perolehan untuk perbelanjaan peribadi.

Jadual 3

Kod dan tema berdasarkan petikan data/situasi bagi Kes C

Petikan Data/Situasi	Kod	Tema
Pelaku: "Dekan bersetuju dengan cadangan saya untuk melantik Syarikat C."	Ketiadaan Pemantauan	Peluang
Pelaku: "Saya telah mengarah beliau (Pemilik syarikat) supaya menaikkan harga dalam sebutharga kepada RM1,280 bagi setiap set untuk 14 set, menjadikan jumlah keseluruhan RM17,920."	Kelemahan Kawalan Dalaman	Peluang
Pelaku: "Saya telah beri sebutharga tersebut kepada kerani untuk proses seterusnya."		
Pelaku: "Dekan percaya pada saya dan tidak pernah menyoal tentang cadangan saya dalam semua urusan."	Kepercayaan Penuh Tanpa Verifikasi	Peluang
Pemilik syarikat: "Saya pada mulanya takut untuk menaikkan harga sebab saya tahu itu salah tetapi dia (Pelaku) beritahu bahawa wang lebihan tersebut akan digunakan untuk membeli peralatan universiti."	Tiada Sistem Whistleblowing	Peluang
Pelaku: "Saya telah mengarah beliau (Pemilik syarikat) supaya menaikkan harga dalam sebutharga kepada RM1,280 bagi setiap set untuk 14 set, menjadikan jumlah keseluruhan RM17,920."	Ketidakpatuhan Prosedur Perolehan	Peluang
Pelaku: "Saya memerlukan wang lebih daripada <i>mark-up</i> tersebut untuk kegunaan saya sendiri kerana saya mengalami masalah penceraihan yang menyebabkan saya mengalami masalah kewangan."	Masalah Kewangan Peribadi	Tekanan
Pelaku: "Saya tahu perbuatan ini salah tetapi keadaan saya yang mendesak pada masa itu."	Tekanan Emosi dan Perasaan Bersalah	Tekanan
Pelaku: "Saya bertanggungjawab terhadap pembelian aset dan pengurusan perolehan."	Tekanan Prestasi Kerja	Tekanan
Pelaku: "Peruntukan yang telah dimohon dan diluluskan, perlu digunakan pada tahun semasa."	Tekanan Pengurusan Peruntukan	Tekanan
Pelaku: "Wang tersebut digunakan bagi menampung perbelanjaan harian saya."	Justifikasi Keperluan Peribadi	Rasionalisasi
Pelaku: "Saya tahu perbuatan ini salah tetapi keadaan saya yang mendesak pada masa itu."	Justifikasi Moral - Tiada Pilihan	Rasionalisasi
Pelaku: "Saya hanya mengambil lebihan wang daripada harga yang dinaikkan."	Minimisasi Kesalahan	Rasionalisasi
Pemilik Syarikat: "Beliau (Pelaku) minta saya untuk mendapatkan sebutharga tambahan daripada syarikat lain dengan harga lebih tinggi."	Pengetahuan Teknikal	Keupayaan
Pemilik Syarikat: "Saya pada mulanya takut untuk menaikkan harga sebab saya tahu itu salah tetapi dia (Pelaku) beritahu bahawa wang lebihan tersebut akan digunakan untuk membeli peralatan universiti."	Keupayaan Memanipulasi Orang Lain	Keupayaan
Pelaku: "Saya pergi sendiri berjumpa dengan beliau (Pemilik syarikat) di bengkelnya."	Keupayaan Menyembunyikan Jejak	Keupayaan
Pelaku: "Saya bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran termasuk pembelian aset."	Kedudukan strategik	Keupayaan
Pelaku: "Pada setiap tahun, saya sediakan kertas kerja permohonan peruntukan untuk unit saya. Setiap anggaran harga aset ditentukan oleh saya sendiri."	Akses Kepada Maklumat Perolehan	Keupayaan

Tekanan ini mendorong kepada rasuah, yang dirasionalisasikan oleh pelaku sebagai tindakan terpaksa demi keperluan mendesak. Keteranganannya,

Saya tahu perbuatan ini salah tetapi keadaan saya yang mendesak pada masa itu.

Sebagai Penolong Pendaftar Kanan, pelaku mengeksploitasi kedudukan, pengetahuan teknikal, akses kepada maklumat perolehan dan kepercayaan organisasi untuk merancang penipuan secara bersendirian, menunjukkan keupayaan sebagai pemacu utama rasuah.

Kes D

Kes ini berlaku di sebuah IPTA di Kuala Lumpur dan melibatkan dua pelaku, iaitu Pelaku 1 (Pegawai Tadbir selaku Ketua Pemasaran, Promosi dan Penjenamaan) dan Pelaku 2 (Pembantu Tadbir Kanan). Antara tahun 2012 hingga 2015, kedua-duanya bersubahat dengan seorang pemilik syarikat yang memiliki beberapa syarikat percetakan (Syarikat D, E dan F) dalam siri penyelewengan proses perolehan. Pelaku 2, yang terlibat dalam pentadbiran dan sebagai ahli Jawatankuasa Pembuka dan Penilaian Sebutharga, memanipulasi proses sebutharga agar syarikat rakannya memenangi tender, dan menerima komisen tunai sebagai balasan. Pelaku 1 turut menerima wang rasuah sebanyak RM36,000.00 melalui akaun peribadi dan terlibat dalam rundingan agihan komisen, manakala Pelaku 2 menerima RM71,892.00. Jumlah keseluruhan nilai kontrak yang

terlibat mencecah RM1,147,200.00. Kedua-dua pelaku disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman penjara 1 hari dan denda RM30,000.00 untuk Pelaku 1 (atau 6 bulan penjara) dan RM50,000.00 untuk Pelaku 2 (atau 7 bulan penjara). Jadual 4 menunjukkan kod dan tema yang diperoleh daripada analisis dokumen bagi Kes D.

Dalam Kes D, tema paling dominan ialah peluang yang timbul akibat kelemahan kawalan dalaman. Pelaku melaksanakan pelbagai fungsi penting secara serentak, membolehkan manipulasi proses perolehan tanpa dikesan. Pelaku menggunakan pelbagai justifikasi untuk merasionalisasi penerimaan wang rasuah, antaranya menyifatkan pemberian itu sebagai “sumbangan ikhlas”, “pinjaman”, atau “komisen” daripada pemilik syarikat bagi mengurangkan beban moral dan tanggapan kesalahan. Pelaku 2 menyatakan,

Saya tidak pernah meminta apa-apa komisen atau imbuhan dari dia. Dia beri saya sumbangan kerana saya bantu dia mendapatkan kerja-kerja di CCD.

Manakala Pelaku 1 menyatakan,

Saya tidak pernah meminjam atau meminta wang daripada dia kecuali apa yang ditawarkan oleh dia sendiri kepada saya.

Kedua-dua pelaku menyalahkan pembekal dan rakan sekerja sebagai dalang utama dan mendakwa hanya “mengikut arahan” atau “terpaksa menerima”. Rasionalisasi seperti ini menggambarkan konflik nilai yang cuba diselesaikan melalui

Jadual 4

Kod dan tema berdasarkan petikan data/situasi bagi Kes D

Petikan Data/Situasi	Kod	Tema
Pelaku 1: "Saya bertanggungjawab menguruskan pemasaran dan promosi untuk universiti." Pelaku 1: "Saya akan memilih mana-mana syarikat beliau (Pemilik syarikat) dan mencadangkannya dalam Jawatankuasa Pemilihan." Pelaku 2: "Saya salah seorang ahli Jawatankuasa Pembuka Sebutharga dan ahli Penilaian Sebutharga." Pelaku 2: "Saya mengesahkan kerja telah dilaksanakan oleh syarikat beliau (Pemilik syarikat) dan menandatangani <i>Delivery Order</i> ."	Tiada Pengasingan Tugas	Peluang
Pelaku 2: "Saya akan menyediakan senarai syarikat yang akan dipelawa menyertai tender." Pelaku 2: "Saya minta beliau (Pemilik syarikat) menyediakan sebutharga daripada syarikat lain dengan harga yang lebih tinggi."	Ketiadaan Pemantauan	Peluang
Pelaku 2: "Saya minta beliau (Pemilik syarikat) menaikkan harga sebanyak RM12,000.00 sebagai komisen untuk kerja Program KPTN 'Jom Masuk U' yang harga asalnya adalah RM85,920.00."	Kelemahan Kawalan Dalaman	Peluang
Pelaku 1: "Saya pernah membuat teguran kepada beliau (Pelaku 2) untuk tidak melantik syarikat yang sama bagi mengelakkan isu kepentingan dengan syarikat tersebut."	Tiada Sistem Whistleblowing	Peluang
Pelaku 1: "Beliau (Pelaku 2) ada mengajak saya keluar minum bersama pemilik syarikat. Kadang-kala kami akan pergi karaoke. Saya tidak pernah mengeluarkan duit semasa keluar bersama mereka." Pelaku 1: "Beliau (Pelaku 2) ada masukkan saya ke dalam group whatsapp yang hanya ada saya, beliau (Pelaku 2) dan pemilik syarikat." Pelaku 2: "Saya telah mengenali beliau (Pemilik syarikat) sejak tahun 2004 semasa saya berkhidmat di bahagian korporat." Pelaku 2: "Saya sering bantu beliau (Pemilik syarikat) untuk mendapatkan kerja-kerja di bahagian korporat sejak 2004."	Konflik Kepentingan	Peluang
Pemilik Syarikat: "Beliau (Pelaku 2) minta saya menyediakan sebutharga dari pelbagai syarikat lain untuk setiap projek."	Ketidakpatuhan Prosedur Perolehan	Peluang
Pelaku 1: "Saya telah bercerai dengan bekas isteri dan menanggung nafkah 2 orang anak." Pelaku 1: "Saya mempunyai hutang kad kredit berjumlah RM30,000.00." Pelaku 2: "Saya meminjam dari beliau (Pemilik syarikat) kerana saya terdesak." Pelaku 2: "Saya terdesak untuk bayar ansuran bulanan kereta saya."	Masalah Kewangan Peribadi	Tekanan
Pelaku 1: "Beliau (Pelaku 2) memujuk saya untuk bekerjasama dengan beliau untuk menolong Syarikat tersebut bagi mendapatkan kerja-kerja di CCD."	Tekanan Rakan Sekerja	Tekanan
Pelaku 1: "Beliau (Pemilik syarikat) hadir di pejabat saya untuk memberikan wang." Pelaku 1: "Beliau (Pemilik syarikat) beri saya RM8,000.00 sebagai komisen saya bantu Syarikat beliau mendapatkan kerja di CCD." Pelaku 2: "Saya teragak-agak untuk menerima wang komisen kerana khuatir niat tersembunyi beliau (Pemilik syarikat)." Pelaku 2: "Beliau (Pemilik syarikat) pernah beritahu saya, sekiranya saya mempunyai masalah wang, beliau (Pemilik syarikat) bersedia membantu pada bila-bila masa."	Tekanan Pembekal	Tekanan

Jadual 4 (sambungan)

Petikan Data/Situasi	Kod	Tema
<p>Pelaku 1: “Saya telah bercerai dengan bekas isteri dan menanggung nafkah 2 orang anak.”</p> <p>Pelaku 1: “Saya mempunyai hutang kad kredit berjumlah RM30,000.00.”</p> <p>Pelaku 1: “Wang tersebut saya gunakan untuk membeli barang.”</p> <p>Pelaku 2: “Saya telah gunakan duit sumbangan daripada beliau (pemilik syarikat) untuk kegunaan peribadi saya.”</p>	<p>Justifikasi Keperluan Peribadi</p>	Rasionalisasi
<p>Pelaku 2: “Saya meminjam dari beliau (Pemilik syarikat) kerana saya terdesak.”</p> <p>Pelaku 2: “Saya terdesak untuk bayar ansuran bulanan kereta saya.”</p>	Justifikasi Moral – Tiada Pilihan	Rasionalisasi
<p>Pelaku 1: “Saya tidak mengetahui percaturan di antara beliau (Pelaku 2) dan pemilik syarikat untuk mendapatkan kerja di CCD.”</p> <p>Pelaku 2: “Saya tidak pernah meminta apa-apa komisen atau imbuhan dari beliau (Pemilik syarikat). Beliau beri saya sumbangan kerana saya bantu dia (Pemilik syarikat) mendapatkan kerja-kerja di CCD.”</p>	Menyalahkan Orang Lain	Rasionalisasi
<p>Pelaku 1: “Beliau (Pemilik syarikat) beri saya RM8,000.00 sebagai komisen saya bantu syarikat beliau (Pemilik syarikat) mendapatkan kerja di CCD.”</p> <p>Pelaku 2: “Disebabkan perwatakan beliau (Pemilik syarikat) yang beragama, saya akur menerima wang yang dikatakan sumbangan ikhlas dan sebahagian dari keraian syarikat beliau (Pemilik syarikat).”</p>	Rasuah Kepada 'Komisyon' Atau 'Sumbangan'	Rasionalisasi
<p>Pelaku 1: “Saya tidak pernah meminjam atau meminta wang daripada beliau (Pelaku 2) kecuali apa yang ditawarkan oleh beliau (Pemilik syarikat) sendiri kepada saya.”</p> <p>Pelaku 2: “Saya teragak-agak untuk menerima wang komisyon kerana khuatir niat tersembunyi beliau (Pemilik syarikat). Lagipun saya tidak mempunyai kuasa untuk memilih syarikat beliau (Pemilik syarikat).”</p>	Menafikan Tanggungjawab	Rasionalisasi
<p>Pelaku 1: “Saya bertanggungjawab menguruskan pemasaran dan promosi untuk universiti”.</p> <p>Pelaku 1: “Saya akan memilih mana-mana syarikat beliau (Pemilik syarikat) dan mencadangkannya dalam Jawatankuasa Pemilihan.”</p>	Kedudukan Strategik	Keupayaan
<p>Pelaku 2: “Saya akan membuat surat panggilan sebutharga.”</p> <p>Pelaku 2: “Saya salah seorang ahli Jawatankuasa Pembuka Sebutharga dan ahli Penilaian Sebutharga.”</p>	Akses Kepada Maklumat Perolehan	Keupayaan
<p>Pemilik Syarikat: “Beliau (Pelaku 2) minta saya menyediakan sebutharga dari pelbagai Syarikat lain untuk setiap projek.”</p> <p>Pelaku 1: “Saya memilih syarikat beliau dan mencadangkannya dalam Jawatankuasa Pemilihan.”</p> <p>Pelaku 2: “Saya akan membuat surat panggilan sebutharga.”</p> <p>Pelaku 2: “Saya mengesahkan kerja telah dilaksanakan oleh syarikat beliau (Pemilik syarikat) dan menandatangani <i>Delivery Order</i>.”</p>	Pengetahuan Teknikal	Keupayaan
<p>Pelaku 1: “Saya pernah membuat teguran kepada beliau (Pelaku 2) untuk tidak melantik Syarikat yang sama bagi kerja-kerja di CCD bagi mengelakkan isu kepentingan dengan syarikat tersebut tetapi beliau memujuk saya untuk bekerjasama dengan beliau (Pelaku 2) untuk menolong syarikat tersebut bagi mendapatkan kerja-kerja di CCD.”</p>	Keupayaan Memanipulasi Orang Lain	Keupayaan

penyesuaian kognitif (Cressey, 1953), di mana pelaku mencari cara untuk melegakan rasa bersalah atas tindakan yang melanggar undang-undang. Kedua-dua pelaku menghadapi tekanan kewangan peribadi seperti hutang kad kredit, tanggungan nafkah anak selepas penceraian, dan komitmen ansuran kereta. Keterangan Pelaku 1,

Saya telah bercerai dengan bekas isteri dan menanggung nafkah 2 orang anak.

Saya mempunyai hutang kad kredit berjumlah RM30,000.00.

Manakala, Pelaku 2 di dalam keterangannya mengatakan:

Saya terdesak untuk bayar ansuran bulanan kereta saya.


Tekanan pelbagai dimensi, termasuk masalah kewangan peribadi, desakan rakan sekerja untuk bersubahat dan godaan pembekal, mendorong pelaku mencari jalan penyelesaian mudah melalui rasuah. Walaupun Pelaku 1 pada awalnya ingin mengekalkan integriti, tekanan sosial dalam organisasi dan tawaran kewangan daripada pembekal akhirnya melemahkan pendiriannya. Situasi ini menunjukkan bagaimana persekitaran sosial dan ekonomi berisiko tinggi boleh mencetuskan niat menipu, seperti yang dinyatakan oleh Khan dan Bakar (2022). Kedua-dua pelaku memiliki keupayaan tinggi untuk melakukan penyelewengan, hasil daripada kedudukan strategik, pengetahuan teknikal, dan akses kepada maklumat perolehan. Ketiadaan pemantauan serta hubungan rapat

dengan pembekal memudahkan mereka mengawal proses tanpa dikesan. Seperti dinyatakan Wolfe dan Hermanson (2004), individu berkeupayaan tinggi cenderung mengeksploitasi kelemahan sistem secara sistematik.

Matriks Ke kerap an Tema

Bagi memahami faktor-faktor yang mendorong rasuah dalam perolehan di IPTA, matriks tema dibina untuk mengenal pasti kekerapan tema dan membolehkan dapatan distrukturkan secara sistematik serta dianalisis secara perbandingan antara kes. Rajah 4 menunjukkan carta perbandingan elemen FDT yang mendorong perlakuan rasuah bagi setiap kes yang dikaji berdasarkan pemetaan matriks tema.

Berdasarkan Rajah 4, elemen peluang muncul sebagai elemen yang paling menonjol dalam Kes B, C dan D. Elemen keupayaan juga menunjukkan tahap yang tinggi dalam Kes B dan D. Sebaliknya, elemen tekanan dan rasionalisasi menunjukkan pola yang lebih sederhana dan berubah-ubah antara kes, di mana Kes A lebih menonjol dari segi tekanan, manakala Kes D menunjukkan rasionalisasi yang lebih tinggi. Carta radar ini menunjukkan bahawa gabungan peluang dan keupayaan merupakan pemangkin paling kritikal kepada perlakuan rasuah dalam perolehan IPTA, manakala tekanan dan rasionalisasi berperanan sebagai pelengkap. Oleh itu, intervensi pencegahan perlu difokuskan kepada pengukuhan kawalan dalaman dan pengurangan ruang manipulasi dalam sistem perolehan.



Rajah 4. Carta kekerapan tema FDT mengikut kes

Berdasarkan Jadual 5, secara keseluruhannya, tema peluang menunjukkan elemen dominan dengan kekerapan, $n = 20$. Subtema yang paling konsisten merentasi semua kes adalah ketiadaan pemantauan dan kelemahan kawalan dalaman mencerminkan kelompongan dari aspek kawalan organisasi. Dapatan ini menyokong pandangan Burguet dan Che (2004) bahawa struktur perolehan yang longgar mendorong amalan rasuah dalam sektor awam. Seperti ditegaskan oleh Cressey (1953), tanpa peluang, walaupun terdapat tekanan atau rasionalisasi, penipuan tidak dapat berlaku. Dapatan ini disokong oleh Rustiarini et al. (2019) dan Dwimawanti dan Ramadani (2023) yang menegaskan bahawa ketiadaan mekanisme semak dan imbang meningkatkan risiko rasuah. Handoyo dan Bayunitri (2021) turut membuktikan bahawa kelemahan kawalan dalaman membuka ruang kepada berlakunya penipuan di peringkat organisasi. Namun, Sujeewa et al. (2020) dan Khan dan Bakar (2022) menunjukkan impak elemen ini mungkin berbeza mengikut struktur birokrasi dan budaya organisasi.

Menurut Kakati dan Goswami (2019) dan Johari et al. (2023), peluang merupakan penyumbang utama kepada perlakuan penipuan, diikuti dengan tekanan dan rasionalisasi. Kassem dan Higson (2012) menyatakan bahawa semakin besar peluang yang tersedia dalam sesebuah organisasi, semakin tinggi kemungkinan berlakunya penipuan dalam perolehan. Menurut Othman et al. (2014) dan c et al. (2018), kelemahan kawalan dalaman, ketiadaan jejak audit, serta proses perolehan yang tidak cekap mewujudkan peluang yang mendorong pegawai sektor awam terlibat dalam penipuan perolehan di Malaysia. Kesemua faktor ini boleh merangsang kewujudan peluang, sekali gus mendorong pegawai sektor awam di Malaysia untuk terlibat dalam perbuatan rasuah dalam perolehan kerajaan.

Data juga menunjukkan tema keupayaan juga dominan dengan kekerapan, $n=20$. Pelaku dalam keempat-empat kes mempunyai akses kepada maklumat perolehan, kedudukan strategik, serta pengetahuan teknikal, dan keupayaan

Jadual 5

Rumusan matriks kekerapan tema bagi Kes A, B, C dan D

Tema (FDT)	Kod	Kes A	Kes B	Kes C	Kes D	Jumlah Kekerapan (n)
Peluang	Ketiadaan Pemantauan	1	1	1	1	4
Peluang	Tiada Pengasingan Tugas				1	1
Peluang	Kelemahan Kawalan Dalaman	1	1	1	1	4
Peluang	Tiada Sistem Whistleblowing		1	1	1	3
Peluang	Konflik Kepentingan		1		1	2
Peluang	Kepercayaan Penuh Tanpa Verifikasi	1	1	1		3
Peluang	Ketidapatuhan Prosedur Perolehan		1	1	1	3
Tekanan	Masalah Kewangan Peribadi	1	1	1	1	4
Tekanan	Tekanan Emosi dan Perasaan Bersalah			1		1
Tekanan	Tekanan Rakan Sekerja				1	1
Tekanan	Tekanan Pembekal				1	1
Tekanan	Tekanan Pengurusan		1			1
Tekanan	Tekanan Prestasi Kerja		1	1		2
Tekanan	Tekanan Pengurusan Peruntukan		1	1		2
Rasionalisasi	Rasuah kepada 'Komisyen' atau 'sumbangan'	1			1	2
Rasionalisasi	Justifikasi Keperluan Peribadi	1		1	1	3
Rasionalisasi	Justifikasi Moral - Tiada Pilihan			1	1	2
Rasionalisasi	Minimisasi Kesalahan			1		1
Rasionalisasi	Menyalahkan Orang Lain				1	1
Rasionalisasi	Menafikan Tanggungjawab				1	1
Rasionalisasi	Mengurangkan Beban Moral		1			1
Rasionalisasi	Penafian Janji Balas	1				1
Keupayaan	Pengetahuan Teknikal	1	1	1	1	4
Keupayaan	Keupayaan Menyembunyikan Jejak	1	1	1	1	4
Keupayaan	Keupayaan Mengawal Staf		1			1
Keupayaan	Keupayaan Memanipulasi Pembekal		1			1
Keupayaan	Keupayaan Memanipulasi Orang Lain			1	1	2
Keupayaan	Kedudukan strategik	1	1	1	1	4
Keupayaan	Akses kepada Maklumat Perolehan	1	1	1	1	4

menyembunyikan jejak yang membolehkan mereka melaksanakan penyelewengan tanpa dikesan. Dapatan kajian ini disokong oleh Wolfe dan Hermanson (2004) dan Husin (2020) yang menekankan bahawa kedudukan atau fungsi seseorang dalam organisasi memberikan akses kepada

peluang untuk melakukan penipuan. Elemen keupayaan membezakan individu yang hanya berniat melakukan penipuan dengan mereka yang benar-benar mampu melaksanakannya, melalui pengetahuan sistem, kedudukan strategik, pengaruh kuasa, dan kemahiran menyembunyikan

jejak (Wolfe & Hermanson, 2004). Dapatan kajian ini juga sejajar dengan kajian Rustiarini et al. (2019) yang menekankan bahawa ketua yang mengarahkan kakitangan bawahannya melakukan penyelewengan cenderung memujuk dan meyakinkan mereka bahawa perbuatan tersebut boleh diterima. Lokanan (2015) menyatakan kemahiran teknikal ialah keupayaan individu melaksanakan sesuatu perbuatan. Dalam kes ini, pelaku memiliki kemahiran teknikal yang membolehkan manipulasi sistem, selari dengan dapatan Sujana et al. (2019) dan Khan dan Bakar (2022). Walau bagaimanapun, terdapat juga dapatan kajian terdahulu yang bercanggah dengan kajian ini. Kajian oleh Mat et al. (2019) mendapati terdapat hubungan negatif antara kedudukan senioriti dalam organisasi dan penipuan. Selain itu, kajian oleh Sujeewa et al. (2020) yang dijalankan terhadap penipuan dalam kalangan kakitangan sektor awam di Sri Lanka juga mendapati bahawa faktor keupayaan tidak menyumbang kepada salah laku pegawai sektor awam di negara tersebut.

Walaupun tema tekanan hanya mencatat kekerapan $n=12$, ia tetap menjadi elemen penting yang mempengaruhi niat rasuah, dengan keempat-empat kes menunjukkan tekanan kewangan peribadi dan organisasi sebagai pendorong utama. Dapatan ini menyokong kajian Khan dan Bakar (2022) bahawa tekanan kewangan dan organisasi sering mencetuskan penyelewengan apabila disertai peluang dan keupayaan. Tekanan merangkumi aspek dalaman dan luaran seperti kewangan, desakan

rakan sekerja dan prestasi kerja (Setiawan, 2019; Subiyanto et al., 2022). Tekanan kewangan, khususnya akibat gaji yang rendah, boleh menyebabkan penjawat awam mencari ganjaran tambahan melalui rasuah (Iliyasu & Muhammed, 2023; Prakasa, 2022; Sinebe, 2021). Dalam kes-kes yang dikaji, tekanan kewangan seperti hutang, penceraian dan kos sara hidup dikenal pasti sebagai pendorong perlakuan rasuah, sejajar dengan dapatan kajian oleh Rustiarini et al. (2019), Kankpang et al. (2020), Ratmono dan Frendy (2022), Johari et al. (2023), dan Omata et al. (2024). Tekanan struktur organisasi, seperti arahan pihak atasan, mewujudkan tekanan kepatuhan yang mendorong pegawai bawahan terlibat dalam penipuan (Lyra et al., 2020). Faktor-faktor ini secara kolektif mencetuskan motivasi untuk terlibat dalam rasuah (Albrecht et al., 2012; Treisman, 2000). Kesemua dapatan ini membuktikan bahawa elemen tekanan dalam pelbagai bentuk iaitu kewangan, organisasi, dan sosial memainkan peranan penting dalam menjelaskan perlakuan rasuah dalam konteks perolehan di IPTA (Dewi & Anisykurlillah, 2021; Setiawan, 2019; Sukmadilaga et al., 2022). Namun begitu, hasil kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian oleh Said et al. (2017), Handayani (2018), Faradiza (2019) dan Johari et al. (2023) yang menyatakan bahawa tekanan luaran tidak mempengaruhi keputusan seseorang untuk melakukan penipuan kewangan. Perbezaan ini mungkin berpunca daripada konteks kajian yang berbeza, di mana kajian ini menumpukan kepada perolehan sektor awam yang

melibatkan tekanan sosial dan organisasi yang kompleks, menjadikan tekanan luaran seperti desakan rakan sekerja atau pembekal lebih signifikan dalam persekitaran rasuah yang telah dinormalisasikan.

Rasionalisasi dengan kekerapan, $n=12$ menunjukkan pelaku merasionalisasi perlakuan rasuah mereka dengan justifikasi keperluan peribadi, menukar istilah rasuah sebagai komisen atau sumbangan ikhlas, dan justifikasi moral “tiada pilihan lain” selari dengan FDT yang menekankan bahawa pelaku memerlukan alasan logik atau moral bagi mengurangkan rasa bersalah terhadap perbuatan salah mereka (Bandura, 1999; Wolfe & Hermanson, 2004). Kajian oleh Johari et al. (2023) mendapati terdapat hubungan positif antara rasionalisasi dan penipuan dalam perolehan, menunjukkan bahawa individu dengan tahap rasionalisasi tinggi cenderung terlibat dalam perlakuan rasuah. Menurut Said et al. (2017), individu yang merasionalisasi perbuatan salah memperdaya diri sendiri secara moral. Kassem dan Higson (2012) turut menjelaskan bahawa rasionalisasi digunakan untuk mengekalkan zon selesa moral dan mengelak daripada dilihat sebagai pengkhianat amanah. Dapatan ini disokong oleh Khan dan Bakar (2022) dan Nurdiansyah et al. (2023) yang menunjukkan bahawa rasionalisasi berkait rapat dengan kejadian rasuah, bergantung kepada nilai peribadi, pengaruh persekitaran, dan budaya organisasi yang permisif tanpa penguatkuasaan tatatertib yang tegas.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bagaimana keempat-empat elemen FDT saling melengkapi dalam

menerangkan mekanisme rasuah dalam perolehan di IPTA. Peluang dan keupayaan muncul sebagai elemen yang paling kerap, mencerminkan bahawa kelemahan sistem organisasi dan kedudukan strategik pelaku memainkan peranan besar dalam perlakuan rasuah. Sementara itu, tekanan dan rasionalisasi pula bertindak sebagai pemangkin dalaman yang menjelaskan motivasi dan justifikasi pelaku.

Cadangan Penambahbaikan

Kajian ini mencadangkan penambahbaikan yang bersifat praktikal dengan berpandukan FDT.

Penambahbaikan Aspek Kawalan Dalaman dan Pengawasan

IPTA disarankan memperkukuh prosedur perolehan melalui pemisahan tugas, audit dalaman secara berkala atau rawak, dan penggunaan sistem e-Perolehan secara keseluruhan. Cadangan ini selaras dengan garis panduan U.S. Government Accountability Office (GAO) (2014), World Bank (2020) dan OECD (2022) yang menekankan kepentingan ketelusan, akauntabiliti, dan pemantauan risiko dalam sistem perolehan. IPTA juga dicadangkan membangunkan sistem pemantauan perolehan digital yang disepadukan dengan platform e-Perolehan. Sistem ini boleh merangkumi dashboard pemantauan berasaskan data serta penggunaan indikator *red flags* untuk mengenal pasti pola berisiko seperti pengulangan vendor yang sama, pemecahan kontrak, harga yang tidak munasabah, dan penglibatan pegawai yang

sama secara berlebihan dalam beberapa peringkat proses perolehan (OECD, 2025a). Di samping itu, IPTA juga boleh mempertimbangkan penggunaan analitik data atau alat pengesanan risiko dibantu kecerdasan buatan (AI) sebagai mekanisme amaran awal, dengan syarat semua penemuan diteliti semula oleh pegawai yang berwibawa bagi mengurangkan risiko berat sebelah, salah tafsir, dan pergantungan berlebihan kepada sistem automatik (OECD, 2025a; 2025b; UNODC, 2025). Pengisytiharan konflik kepentingan dan harga pasaran serta justifikasi keperluan sebelum kelulusan dibuat juga penting kerana ia dapat menutup ruang manipulasi, mengurangkan tumpuan kuasa pada individu tertentu, dan meningkatkan kebolehsanan keputusan perolehan (OECD, 2025c). OECD (2025c) turut menegaskan bahawa penggunaan e-Perolehan, pengurusan risiko, dan ketelusan proses merupakan antara komponen penting dalam memperkukuh integriti sistem perolehan kerajaan.

Pemantauan Pegawai Berisiko dan Reformasi Struktur Perolehan

Pelaku dalam semua kes menunjukkan keupayaan tinggi melalui kemahiran teknikal, kedudukan strategik, dan akses sistem perolehan. Bagi menangani isu ini, IPTA disarankan melaksanakan kawalan akses berasaskan peranan, jejak audit digital, audit gaya hidup, pengurusan maklumat berasaskan keperluan, latihan profesional berterusan, dan sistem penggiliran jawatan disarankan, sebagaimana diamalkan di Afrika Selatan, Kenya, Ukraine dan Sweden

(Johnston, 2005; France, 2021; OECD, 2025c; Vorster & Nwosu, 2024). Mekanisme ini penting untuk mencegah penyelewengan dan memastikan hanya individu beretika serta kompeten mengurus perolehan di IPTA. Saranan ini membolehkan IPTA mengawal keupayaan individu untuk memanipulasi sistem secara tidak wajar, di samping memastikan fungsi perolehan disokong oleh kapasiti institusi yang mencukupi. OECD (2025c) menekankan bahawa pembinaan kapasiti, penggunaan alat digital, penilaian berkala, dan penyepaduan fungsi perolehan dengan sistem tadbir urus yang lebih luas adalah penting untuk keberkesanan jangka panjang sistem perolehan.

Pengukuhan Budaya Integriti dan Pendidikan Etika

Dapatan menunjukkan pelaku sering merasionalisasi tindakan mereka. Bagi menanganinya, IPTA disarankan mengintegrasikan pendidikan etika dan integriti dalam latihan profesional secara berkala (Zarghami, 2024), melaksanakan kempen kesedaran antirasuah secara interaktif, memperkenalkan kod etika khusus perolehan, mewajibkan perakuan integriti sebelum keputusan dibuat, membina budaya pelaporan beretika dengan jaminan perlindungan pemberi maklumat dan memastikan penguatkuasaan tatatertib yang konsisten (OECD, 2025c). Pendekatan holistik seperti di Singapura melalui *Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB)* dan program *Integrity Pact* dan *Corruption Reporting and Reward System (CRRS)* turut membuktikan keberkesanan

dalam membentuk budaya integriti (Quah, 2011). Manaf et al. (2023) menekankan peranan pendidikan antirasuah di Institusi Pengajian Tinggi, manakala Kaptein (2008) menyarankan pengukuhan kod etika organisasi dengan penekanan terhadap larangan menerima sogokan.

Pengukuhan Sokongan Psikososial dan Kesejahteraan Pegawai

Dalam konteks kajian ini, tekanan muncul dalam bentuk masalah kewangan peribadi, tekanan prestasi kerja, tekanan penggunaan peruntukan, dan tekanan sosial organisasi. Namun, strategi pengurangannya seperti penstrukturan beban kerja masih kurang diberi perhatian dalam kajian lepas (Zarghami, 2024). Oleh itu, IPTA tidak seharusnya menumpukan pencegahan rasuah hanya kepada prosedur, tetapi juga kepada persekitaran kerja yang boleh mengurangkan tekanan yang mendorong

salah laku. Antara mekanisme yang dicadangkan ialah sokongan psikososial, literasi kewangan, pengagihan beban kerja yang lebih seimbang, semakan terhadap amalan penggunaan peruntukan hujung tahun, saluran pelaporan yang selamat, serta kepimpinan etika daripada pengurusan tertinggi (Ashkanasy & Dorris, 2017; OECD, 2025c). Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa FDT dapat berfungsi sebagai lensa analitikal untuk menerangkan punca dan mekanisme rasuah serta menyediakan asas normatif untuk institusi membentuk intervensi pencegahan yang lebih sistematik.

Kerangka Tadbir Urus Pencegahan Rasuah Perolehan IPTA Berasaskan FDT

Bagi memperkukuh implikasi praktikal kajian, satu kerangka tadbir urus pencegahan rasuah perolehan IPTA berasaskan FDT dicadangkan sepertimana Jadual 6.

Jadual 6

Kerangka tadbir urus pencegahan rasuah perolehan IPTA berasaskan FDT (Ashkanasy & Dorris, 2017; France, 2021; Johnston, 2005; OECD, 2025a; 2025c; Vorster dan Nwosu, 2024; Zarghami, 2024)

Dimensi FDT	Fokus pencegahan	Mekanisme Tadbir Urus
Peluang	Menutup ruang manipulasi, konflik kepentingan, dan kelemahan semakimbang	Pemisahan tugas; Audit dalaman e-Perolehan Pengisytiharan konflik kepentingan; Pemantauan digital berasaskan <i>red flags</i> ; Semakan harga pasaran; Justifikasi kelulusan
Keupayaan	Mengawal keupayaan individu untuk menyalah guna kedudukan, akses dan pengetahuan teknikal	Kawalan akses berasaskan peranan; Jejak audit digital; Penggiliran jawatan; Audit berasaskan risiko; Audit gaya hidup Latihan teknikal dan pensijilan pegawai perolehan

Jadual 6 (sambungan)

Dimensi FDT	Fokus pencegahan	Mekanisme Tadbir Urus
Tekanan	Mengurangkan tekanan peribadi dan organisasi yang boleh mendorong perlakuan rasuah	Sokongan psikososial; Literasi kewangan; Pengagihan beban kerja yang seimbang; Semakan penggunaan bajet hujung tahun; Saluran pelaporan selamat; Kepimpinan etika
Rasionalisasi	Membetulkan justifikasi moral dan normalisasi salah laku	Latihan integriti berasaskan senario; Kod etika khusus perolehan; Perakuan integriti; Tindakan tatatertib yang konsisten; Kempen kesedaran antirasuah Perlindungan pemberi maklumat Penguatkuasaan tatatertib; Budaya integriti

KESIMPULAN

Kajian ini menganalisis bagaimana elemen-elemen dalam FDT menyumbang kepada rasuah dalam perolehan di IPTA Malaysia melalui empat kes siasatan SPRM. Dapatan menunjukkan bahawa elemen paling dominan ialah peluang dan keupayaan, berpunca daripada kelemahan kawalan dalaman, ketiadaan pemantuan, kedudukan strategik, serta akses kepada maklumat yang membolehkan pelaku memanipulasi sistem perolehan. Walaupun, tekanan dan rasionalisasi didapati kurang dominan, namun tetap memainkan peranan sebagai pemangkin tambahan, khususnya dalam konteks tekanan kewangan dan normalisasi budaya rasuah. Kajian ini mengesahkan bahawa FDT merupakan kerangka teori yang sesuai dan komprehensif dalam menjelaskan mekanisme rasuah dalam perolehan di IPTA, dengan keempat-empat elemen saling melengkapi. Justeru, strategi pencegahan perlu memberi tumpuan kepada penutupan peluang dan pengawalan keupayaan,

disertai dengan pengukuhan etika, sokongan psikososial, dan pembaharuan struktur organisasi bagi membina sistem perolehan yang telus dan berintegriti.

Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan beberapa implikasi penting kepada pihak berkepentingan termasuk pembuat dasar, pentadbiran universiti, dan penyelidik akademik dalam usaha memperkukuh integriti sistem perolehan di IPTA.

Implikasi Teoretikal

Kajian ini memperluaskan aplikasi FDT dalam konteks perolehan sektor pendidikan tinggi awam di Malaysia, yang sebelum ini lebih banyak digunakan dalam kajian penipuan kewangan dalam sektor korporat. Dengan menganalisis kes rasuah sebenar melalui keempat-empat elemen FDT, kajian ini menyokong dapatan Wolfe dan Hermanson (2004) bahawa penipuan

berlaku bukan hanya kerana wujudnya peluang, rasionalisasi dan tekanan, tetapi juga melibatkan faktor keupayaan individu. Ini memberi sumbangan kepada literatur dengan memberikan pemahaman yang lebih holistik dan kontekstual dalam menjelaskan fenomena rasuah dalam perolehan.

Implikasi Praktikal

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peluang dan keupayaan merupakan elemen paling dominan yang mendorong berlakunya rasuah dalam proses perolehan di IPTA. Oleh itu, pihak pengurusan IPTA dan Kementerian Pendidikan Tinggi perlu memperkukuh sistem pengasingan tugas, pemantauan dalaman, dan mekanisme audit bebas dalam proses perolehan. Selain itu, penempatan pegawai dalam jawatan strategik perlu diteliti berdasarkan integriti dan rekod prestasi, bukan hanya kelayakan teknikal, bagi mengurangkan keupayaan untuk menyalahguna kuasa. Dapatan juga mencadangkan agar autonomi universiti dalam perolehan disertai dengan mekanisme akauntabiliti yang ketat, bagi memastikan kuasa yang diberi tidak disalahgunakan.

Implikasi Kepada Penyelidikan Akan Datang

Kajian ini juga membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang lebih mendalam dengan menilai hubungan antara elemen-elemen FDT dan tahap keberkesanan sistem kawalan sedia ada, atau membandingkan corak perlakuan rasuah di IPTA dengan agensi kerajaan lain menggunakan pendekatan kajian kes atau kaedah

kuantitatif. Selain itu, integrasi FDT dengan teori lain seperti *Principal-Agent Theory* atau *Organizational Culture Theory* boleh memperkayakan lagi pemahaman terhadap faktor sistemik dan struktur organisasi yang menyumbang kepada penyelewengan.

Limitasi dan Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan

Limitasi Kajian

Kajian ini diakui mempunyai kekangan, khususnya dari segi tempoh dan jumlah kes yang terhad kepada empat siasatan SPRM, sekali gus tidak membolehkan generalisasi menyeluruh. Namun begitu, pemilihan kes yang berbeza dari segi lokasi dan peranan pelaku tetap memberikan gambaran yang bermakna terhadap isu rasuah perolehan di IPTA. Kekangan kedua melibatkan kebergantungan kepada dokumen siasatan SPRM sebagai sumber sekunder, yang mungkin tidak merangkumi maklumat kontekstual seperti struktur organisasi atau tekanan tidak formal, sekali gus menghadkan pemahaman menyeluruh terhadap faktor rasuah. Kajian ini juga tidak melibatkan data primer seperti temu bual, yang boleh memberikan perspektif subjektif pelaku. Ketiga, penggunaan FDT sebagai satu-satunya kerangka teori turut membatasi kajian kerana tidak mengambil kira faktor institusi, budaya organisasi, atau pengaruh kumpulan secara menyeluruh.

Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan

Bagi mengatasi keterbatasan kajian, penyelidikan masa hadapan disarankan melibatkan lebih banyak kes dari pelbagai

IPTA bagi analisis yang lebih menyeluruh tentang rasuah dalam perolehan. Pendekatan kaedah campuran seperti analisis dokumen dan temu bual mendalam boleh dipertimbangkan untuk kefahaman yang lebih holistik. Selain itu, penggabungan FDT dengan teori lain seperti *Principal-Agent Theory*, *Organizational Culture Theory* atau *Theory of Planned Behavior* dapat memperkayakan analisis. Kajian juga boleh diperluaskan kepada sektor lain seperti sektor kesihatan atau Pihak Berkuasa Tempatan untuk perbandingan dan penambahbaikan dasar pencegahan yang lebih kontekstual.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas kerjasama dan akses kepada dokumen siasatan yang diberikan, yang telah memungkinkan kajian ini dilaksanakan dengan jayanya.

RUJUKAN

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behaviour. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Albrecht, W. S., Albrecht, C. O., Albrecht, C. C., & Zimbelman, M. F. (2012). *Fraud examination* (4th ed.). Cengage Learning.
- Arista, I. T., & Fazekas, M. (2024). Public procurement corruption: Concept, measurement and remedies. In L. Sousa & S. Coroado (Eds.), *Elgar encyclopedia of corruption and society* (pp. 281–285). Edward Elgar. <https://doi.org/10.4337/9781803925806.ch62>
- Ashkanasy, N. M., & Dorris, A. D. (2017). Emotions in the workplace. *Annual Review of Organizational Psychology and Organizational Behavior*, 4(1), 67–90.
- Association of Certified Fraud Examiners. (2022). *Occupational fraud 2022: A report to the nations*. <https://www.acfe.com/-/media/files/acfe/pdfs/rtnn/2022/2022-report-to-the-nations.pdf>
- Azmi, S. M. M., & Ismail, S. (2023). Weaknesses of Malaysian public procurement: A review of Auditor General's Reports. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 21(5), 999–1020. <https://doi.org/10.1108/JFRA-05-2021-0132>
- Bandura, A. (1999). Moral disengagement in the perpetration of inhumanities. *Personality and Social Psychology Review*, 3(3), 193–209. https://doi.org/10.1207/s15327957pspr0303_3
- Basir, M. A., Yusoff, H., & Kamal, M. E. M. (2022). Determinants of occupational fraud in government procurement: Malaysia's public sector perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(12), 389–406. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i12/15409>
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Burguet, R., & Che, Y. K. (2004). Competitive procurement with corruption. *The RAND Journal of Economics*, 35(1), 50–68.
- Chan, A. P. C., & Owusu, E. K. (2017). Corruption forms in the construction industry: Literature review. *Journal of Construction Engineering and Management*, 143(8), Article 04017057. [https://doi.org/10.1061/\(ASCE\)CO.1943-7862.0001353](https://doi.org/10.1061/(ASCE)CO.1943-7862.0001353)
- Christian, N. (2020). Behavioural strategy analysis using the fraud diamond theory approach to detecting corporate fraud in Indonesia.

- International Journal of Business and Management Invention*, 9(4), 66–74.
- Cressey, D. R. (1953). *Other people's money: A study of the social psychology of embezzlement*. Free Press.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Davis, J. S., & Pesch, H. L. (2013). Fraud dynamics and controls in organisations. *Accounting, Organisations and Society*, 38(6), 469–483. <https://doi.org/10.1016/j.aos.2012.07.005>
- Demetriades, P., & Owusu-Agyei, S. (2022). Fraudulent financial reporting: An application of fraud diamond to Toshiba's accounting scandal. *Journal of Financial Crime*, 29(2), 729–763. <https://doi.org/10.1108/JFC-05-2021-0108>
- Dewi, K., & Anisykurlillah, I. (2021). Analysis of the effect of fraud pentagon factors on fraudulent financial statement with audit committee as moderating variable. *Accounting Analysis Journal*, 10(1), 39–46. <https://doi.org/10.15294/aaj.v10i1.44520>
- Dwimawanti, I. H., & Ramadani, N. (2023). The fraud diamond of public service in Indonesia. In *4th International Conference on Governance, Public Administration, and Social Science* (pp. 503–515). Knowledge E. <https://doi.org/10.18502/kss.v8i11.13569>
- Faradiza, S. A. (2019). Pentagon fraud dan kecurangan laporan kewangan. *EkBis: Journal of Economics and Business*, 2(1), 1–22.
- France, G. (2021). *Overview of lifestyle audits as an anti-corruption tool and country examples from Africa*. Transparency International.
- Handayani. (2018). Detecting financial statement fraud with pentagon fraud analysis. *Journal of Accounting, Finance and Business*, 11(1), 11–23. <https://doi.org/10.3390/economies10040086>
- Handoyo, B. R. M., & Bayunitri, B. I. (2021). The influence of internal audit and internal control toward fraud prevention. *International Journal of Financial, Accounting, and Management*, 3(1), 45–64. <https://doi.org/10.35912/ijfam.v3i1.181>
- Harrison, A. J., Dilla, W. N., & Mennecke, B. E. (2020). Relationships within the fraud diamond: The decision processes that influence fraudulent intentions in online consumer fraud. *Journal of Information Systems*, 34(1), 61–80. <https://doi.org/10.2308/isis-52627>
- Hassan, S. H. A., Ismail, S., & Mutalib, H. A. (2021). Public procurement in Malaysia: Objectives and procurement principles. *Journal of Economic and Administrative Sciences*, 37(4), 694–710. <https://doi.org/10.1108/JEAS-03-2020-0033>
- Hennink, M. M., Kaiser, B. N., & Marconi, V. C. (2017). Code saturation versus meaning saturation: How many interviews are enough? *Qualitative Health Research*, 27(4), 591–608. <https://doi.org/10.1177/1049732316665344>
- Huda, S. N., Setiani, N., Pulungan, R., & Winarko, E. (2017). Potential fraudulent behaviours in e-procurement implementation in Indonesia. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 185(1), Article 012003. <https://doi.org/10.1088/1757-899X/185/1/012003>
- Husin, M. F. (2020). *Pemantapan integriti dan memerangi jenayah rasuah: Satu perjuangan*. Unit Integriti, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).
- Iliyasu, I., & Muhammed, I. (2023). Growth effects of government expenditure in Nigeria: Does the level of corruption matter? *Asian Journal of Economics and Empirical Research*, 10(1), 1–10. <https://doi.org/10.20448/ajeer.v10i1.4406>
- Ismail, A. M., Hasan, M. R., Clark, C., & Sadique, R. B. M. (2018). Public sector procurement: The effectiveness of monitoring mechanism. *Asia-Pacific Management Accounting Journal*, 13(2), 147–172.

- Jabatan Perdana Menteri. (2024). *Strategi pembersihan rasuah nasional 2024–2028*. https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/strategi-pembersihan-rasuah-nasional-2024-2028--my-08052024.pdf
- Johari, R. J., Faudzi, N. A. F. M., Hussin, S. A. H. S., Rosnidah, I., & Musyaffi, A. M. (2023). Procurement fraud in the public sector: An analysis of fraud triangle elements and workplace spirituality. *Review of Economics and Finance*, 21, 114–123. <https://doi.org/10.55365/1923.x2023.21.12>
- Johnston, M. (2005). *Syndromes of corruption: Wealth, power, and democracy*. Cambridge University Press.
- Kakati, S., & Goswami, C. (2019). Factors and motivation of fraud in the corporate sector: A literature review. *Journal of Commerce & Accounting Research*, 8(3), 86–96.
- Kankpang, A. K., Ewa, U. E., Oti, P. A., Inyang, W. S., & Okon, E. E. (2020). Financial pressure and employee fraud dispositions: Analysis of public service productivity. *Journal of Critical Reviews*, 7(17), 761–769.
- Kaptein, M. (2008). Developing and testing a measure for the ethical culture of organisations: The corporate ethical virtues model. *Journal of Organizational Behavior*, 29(7), 923–947. <https://doi.org/10.1002/job.520>
- Kassem, R., & Higson, A. (2012). The new fraud triangle model. *Journal of Emerging Trends in Economics and Management Sciences*, 3(3), 191–195.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2010). *Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007: Tatacara pengurusan perolehan kerajaan secara tender*. Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia. <https://km.anm.gov.my/Aset%20Pengetahuan%20Bahagian/Nota%20Tender.pdf>
- Khan, N. I., & Bakar, H. (2022). Malaysian government officials induced in public procurement fraud through the lens of fraud diamond analysis. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 18. <https://doi.org/10.17576/ajag-2022-18-01>
- Kihl, L. A., Misener, K. E., Cuskelly, G., & Wicker, P. (2021). Tip of the iceberg? An international investigation of fraud in community sport. *Sport Management Review*, 24(1), 24–45. <https://doi.org/10.1016/j.smr.2020.06.001>
- Lokanan, M. E. (2015). Challenges to the fraud triangle: Questions on its usefulness. *Accounting Forum*, 39(3), 201–224. <https://doi.org/10.1016/j.accfor.2015.05.002>
- Lyra, M. S., Damásio, B., Pinheiro, F. L., & Bacao, F. (2022). Fraud, corruption, and collusion in public procurement activities: A systematic literature review on data-driven methods. *Applied Network Science*, 7(1), 1–30. <https://doi.org/10.1007/s41109-022-00523-6>
- Manaf, M. T. A., Othman, M. A., & Yahya, S. F. (2023). Corruption prevention in Malaysia's education sector: A case study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(6). <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i6/17373>
- Mat, T. Z. T., Ismawi, D. S. T., & Ghani, E. K. (2019). Do perceived pressure and perceived opportunity influence employees' intention to commit fraud? *International Journal of Financial Research*, 10(3), 132–143. <https://doi.org/10.5430/ijfr.v10n3p132>
- Medlar, I., & Umar, H. (2023). Fraud diamond analysis of financial statement fraud. *Enrichment: Journal of Management*, 13(3), 2132–2144.
- Murphy, P. R., & Dacin, M. T. (2011). Psychological pathways to fraud: Understanding and preventing fraud in organisations. *Journal of Business Ethics*, 101(4), 601–618. <https://doi.org/10.1007/s10551-011-0741-0>

- Norziation, I. K., & Sabri, Z. N. M. (2022). The determinants of indulgence in corruption among law enforcement personnel in Malaysia. *Asia-Pacific Management Accounting Journal*, 17(1), 1–36.
- Nurdiansyah, A. S., Durya, N., & Rachele, F. (2023). Analysis of the influence of fraud diamond dimensions on fraudulent behaviour of accounting students at Diponegoro University. *Sharia Oikonomia Law Journal*, 1(2), 104–114. <https://doi.org/10.55849/solj.v1i2.123>
- Omata, V. O., Gathoni, B., & Musumba, G. (2024). Impact of financial pressures on procurement fraud of public national referral hospitals in Nairobi County, Kenya. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 8(9), 2255–2268. <https://doi.org/10.47772/IJRIS.2024.8090186>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2016). *Preventing corruption in public procurement*.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2020). *Connecting the anti-corruption and human rights agendas: A guide for business and employers' organisations*. International Organisation of Employers.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2022). *Anti-corruption and public integrity strategies: Insights from new OECD indicators*. <https://doi.org/10.1787/a925c7fd-en>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2023). *Public procurement performance: A framework for measuring efficiency, compliance and strategic goals*.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2025a). AI in public procurement. In *Governing with artificial intelligence*.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2025b). *Digital transformation of public procurement*.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2025c). *Implementing the OECD Recommendation on public procurement in OECD and partner countries*.
- Othman, R., Zakaria, H., Nordin, N., Shahidan, Z., & Jusoff, K. (2010). The Malaysian public procurement's prevalent system and its weaknesses. *American Journal of Economics and Business Administration*, 2(1), 6–11.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research and evaluation methods* (4th ed.). Sage Publications.
- Prakasa, S. U. W. (2022). Reduce corruption in public procurement: The effort towards good governance. *Bestuur*, 10(1), 33–42. <https://doi.org/10.20961/bestuur.v10i1.51339>
- Putra, K. N., Triyuwono, I., & Purwanti, L. (2018). Fraud procurement of goods and services: A perspective of the theory of planned behaviour. *Jurnal Akuntansi*, 22(3), 385–404.
- Quah, J. S. T. (2011). *Curbing corruption in Asian countries: An impossible dream?* Emerald Publishing Limited.
- Rasoli, H., Ahmadi, M. R., Nasiri, S., & Basirat, M. (2023). The effect of CEO power on fraudulent financial reporting quality. *Journal of Management Accounting and Auditing Knowledge*, 12(45), 317–334.
- Ratmono, D., & Frendy. (2022). Examining the fraud diamond theory through ethical culture variables: A study of regional development banks in Indonesia. *Cogent Business and Management*, 9(1), Article 2117161. <https://doi.org/10.1080/23311975.2022.2117161>
- Rustiarini, N. W., T, S., Nurkholis, N., & Andayani, W. (2019). Why people commit public procurement fraud? The fraud diamond view. *Journal of Public Procurement*, 19(4), 345–362. <https://doi.org/10.1108/JOPP-02-2019-0012>
- Said, J., Alam, M., Ramli, M., & Rafidi, M. (2017). Integrating ethical values into fraud triangle

- theory in assessing employee fraud: Evidence from the Malaysian banking industry. *Journal of International Studies*, 10(2), 170–184. <https://doi.org/10.14254/2071-8330.2017/10-2/13>
- Setiawan, M. A. (2019). The influence of pressure in detecting financial statement fraud. In *Proceedings of the 3rd International Conference on Accounting, Management and Economics 2018 (ICAME 2018)* (pp. 435–441). Atlantis Press.
- Siddiquee, N. A., & Zafarullah, H. (2022). Absolute power, absolute venality: The politics of corruption and anti-corruption in Malaysia. *Public Integrity*, 24(1), 1–17. <https://doi.org/10.1080/10999922.2020.1830541>
- Sinebe, M. T. (2021). Estimating fraud perpetration likelihood: A paradigm shift from existing fraud theories. *Journal of Social and Management Sciences*, 16(1), 18–37.
- Sivanandam, H., Rahim, R., Carvalho, M., & Tan, T. (2020, December 10). A-G's Report 2019: Collective, punitive actions can be taken in at least 150 issues. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/12/10/a-g039s-report-2019-collectivepunitive-actions-can-be-taken-in-at-least-150-issues>
- Subiyanto, B., Pradani, T., & Divian, D. T. N. (2022). Influence of external pressure, financial stability, and financial target on fraud financial reporting. *Budapest International Research and Critics Institute-Journal (BIRCI-Journal)*, 5(2), 12012–12021.
- Sujana, E., Yasa, I. N., & Wahyuni, M. A. (2019). Testing of fraud diamond theory based on local wisdom on fraud behaviour. In *Proceedings of the International Conference on Business Law and Local Wisdom in Tourism (ICBLT 2018)* (pp. 56–60). Atlantis Press.
- Sujeewa, G. M. M., Yajid, M. S. A., Khatibi, A., & Azam, S. M. F. (2020). The relevance of fraud diamond theory in determining employee frauds in public sector entities in Sri Lanka. *International Journal of Economics, Commerce and Management*, 7(4).
- Sukmadilaga, C., Winarningsih, S., Handayani, T., Herianti, E., & Ghani, E. K. (2022). Fraudulent financial reporting in ministerial and governmental institutions in Indonesia: An analysis using hexagon theory. *Economies*, 10(4), Article 86. <https://doi.org/10.3390/economies10040086>
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2024). *Statistik keseluruhan tahun 2019–2023*. https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=97
- Treisman, D. (2000). The causes of corruption: A cross-national study. *Journal of Public Economics*, 76(3), 399–457.
- United Nations Office on Drugs and Crime. (2017). *Knowledge tools for academics and professionals: Module series on anti-corruption. Module 4: Public sector corruption*.
- United Nations Office on Drugs and Crime. (2025). *Non-binding guidelines on the adoption and use of technology to combat corruption in public procurement*.
- U.S. Government Accountability Office. (2014). *Standards for internal control in the federal government*. <https://www.gao.gov/assets/gao-14-704g.pdf>
- Vorster, H., & Nwosu, L. (2024). Evaluating policies and regulations used to control corruption among accounting officers in the public sector of South Africa: A systematic literature review. *Frontiers in Sociology*, 9, Article 1371287. <https://doi.org/10.3389/fsoc.2024.1371287>

- Wolfe, D. T., & Hermanson, D. R. (2004). The fraud diamond: Considering the four elements of fraud. *The CPA Journal*, 74(12), 38–42.
- World Bank. (2017). *Bank policy: Procurement in IPF and other operational procurement matters* (OPSVP5.05-POL.144). <https://thedocs.worldbank.org/en/doc/02c022198520f5b6ab2ecfe64e56ec19-0290012023/original/Bank-Policy-Procurement-in-IPF-and-Other-Operational-Procurement-Matters.pdf>
- World Bank. (2020). *Enhancing government effectiveness and transparency: The fight against corruption*. <https://documents1.worldbank.org/curated/en/235541600116631094/pdf/Enhancing-Government-Effectiveness-and-Transparency-The-Fight-Against-Corruption.pdf>
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). Sage Publications.
- Zarghami, S. A. (2024). Anticorruption practices in construction projects: Looking through two theoretical lenses. *Engineering, Construction and Architectural Management*. <https://doi.org/10.1108/ECAM-10-2023-0988>